

Bil. 10

**Rabu
10 April 1996**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

[Ruangan 1]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia
(Pindaan) 1995

[Ruangan 17]

Rang Undang-undang Pampasan Pekerja (Pindaan) 1995

[Ruangan 48]

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI
DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR
BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N.
(Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M.,
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J.,
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK,
P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI
DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S.
(Kuala Selangor).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,
D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN
CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

„ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T.,
J.P. (Bentong).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN
DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N.
(Kuala Rajang).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING,
P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW
PEH, D.P.M.P. (Gopeng).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR,
D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- „ Menteri Kesihatan, DATUK CHUA JUI MENG, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK WIRA MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB BINTI ABU BAKAR S.M.J. (Tebrau).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, P.J.K. (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MUHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. HAJI SHAFIE BIN MOHD. SALLEH, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN D.P.M.J. (Tenggara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL, P.J.K. (Hulu Selangor).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- „ TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ TUAN ABDUL RAHIN BIN DATO' MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG, A.M.N. (Kuala Pilah).
- „ TUAN AHMAD HUSNI BIN MOHD. HANADZLAH, P.P.T., A.M.P. (Tambun).
- „ TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA, P.J.K. (Jerantut).
- „ DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok).
- „ PUAN AINON KHARIYAH BINTI DATO' MOHD. ABAS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- „ TUAN AMIHAMZAH BIN AHMAD (Lipis).

- Yang Berhormat DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- „ DATO HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan).
- „ TUAN HAJI BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ, A.S.A. (Hulu Langat).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA, P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- „ TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- „ DATO' JOSEPH CHONG CHEK AH, D.S.P.N. (Batu).
- „ PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- „ TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- „ TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- „ DATO' HAJI HANAFI BIN RAMLI, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun).
- „ TUAN HASHIM BIN ISMAIL, P.P.N., P.I.S. (Ledang).
- „ TUAN HENRYNUS AMIN, A.D.K. (Kinabalu).
- „ DATO' HEW SEE TONG, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar).
- „ TUAN HO CHEONG SING, A.M.N. (Ipoh Barat).
- „ DATO' HON CHOON KIM, D.S.N.S. (Seremban).
- „ TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN JACOB DUNGAU SAGAN, P.P.B. (Baram).
- „ DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD. JARJIS, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju).
- „ TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ DR. L. KRISHNAN, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN LAU NGAN SIEW, A.D.K. (Sandakan).
- „ DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).

Yang Berhormat DR. G. LEELAVATHI, A.M.N. (Kapar).

- .. TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- .. PUAN LIM LAY HOON, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai).
- .. TUAN LIM SI CHENG, P.I.S. (Senai).
- .. TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- .. DATO' HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- .. DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI, A.S.D.K., J.P. (Bandau).
- .. TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- .. TUAN MICHAEL LISA KAYA, B.B.S. (Bukit Mas).
- .. TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- .. TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN P.I.S. (Johor Bahru).
- .. DATUK MOHD. SALLEH BIN TUN SAID, P.G.D.K. (Kota Belud).
- .. DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- .. TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- .. TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K., J.P. (Hulu Terengganu).
- .. TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- .. TUAN NOH BIN OMAR, P.J.K. (Tanjong Karang).
- .. DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- .. DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- .. TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- .. DATO' OTHMAN BIN ABDUL, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- .. DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- .. TUAN PAUL NOUTIN, A.D.K. (Penampang).
- .. TUAN PHILIP YONG CHEW LIP, A.D.K. (Gaya).
- .. DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- .. TUAN RADIN MALLEH (Tenom).

Yang Berhormat DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).

- „ MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM, P.P.B. (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD, P.I.S. (Parit Sulong).
- „ DATO' SALAMON BIN SELAMAT, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah
Alam).
- „ DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- „ DATUK S'NG CHEE HUA, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau).
- „ DATUK SONG SWEE GUAN, P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ CIK SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- „ DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED, D.J.M.K., J.P. (Machang).
- „ DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- „ DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- „ DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- „ TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN, P.I.S. (Gelang Patah).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN, B.K.M. (Pokok Sena).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR, P.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ TUAN WONG KAM HOONG, K.M.N. (Bayan Baru).
- „ DATO' YAP PIAN HON, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang).
- „ DR. YAP YIT THONG, A.M.P., A.M.N. (Lumut).
- „ DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- „ TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- „ TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- „ TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- „ DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB, A.D.K. (Sipitang).
- „ TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- „ TUAN HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI MOHAMAD NOR, S.M.K. (Pasir Mas).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.
(Kuala Kedah).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N.,
P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.

Ketua Penolong Setiausaha: Said bin Sidik.

Pmk. Ketua Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman.

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah.

Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
Haji Suhor bin Husin.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.
Hajah Supiah binti Dewak.
Mohamed bin Osman.
Hajah Norishah binti Mohd. Thani.
Zaharah binti Naim.
Norwahidah binti Azizi.
Jainah binti Sakimin.
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.
Shamsina binti Janor.

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat: Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin
Abdul Mutalib.
Mejar (B) Zakaria bin Salleh.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Rabu, 10hb April, 1996

*Mesyuarat dimulakan pada pukul
2.30 petang*

DOA
(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

SYARIKAT MILIK INDIVIDU
SWASTA—PENYERAHAN
EKUITI

1. **Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis (Rompin)** minta Menteri Kewangan menyatakan selain daripada dapat mengurangkan bebanan perbelanjaan kerajaan, apakah faedah-faedah lain penyerahan ekuiti syarikat pemilikan kerajaan kepada syarikat milik individu swasta.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, faedah-faedah lain yang akan diperolehi daripada penjualan ekuiti syarikat-syarikat kerajaan kepada pihak swasta selain daripada dapat mengurangkan secara langsung bebanan kewangan kerajaan adalah seperti berikut:

- (i) hasil penjualan akan membolehkan kerajaan mengurangkan pinjaman serta mengagihkan semula sumber hasil kepada sektor-sektor lain yang lebih memerlukannya;

- (ii) kecekapan dan produktiviti syarikat dapat ditingkatkan kerana terdapatnya unsur insentif dalaman seperti kenaikan gaji, bayaran bonus dan lain-lain imbuhan yang mendorong kakitangan serta pengurusan syarikat bekerja lebih tekun lagi;

- (iii) pengurusan sumber yang lebih cekap bagi meningkatkan hasil, mengurangkan kos pengeluaran dan memperbaiki mutu produk dan perkhidmatan serta meningkat dan memodenkan teknologi;

- (iv) pihak swasta dapat memainkan peranan penting dalam mempercepatkan pertumbuhan ekonomi melalui pelaburan yang lebih besar di dalam pengembangan syarikat dan pemodenan industri; dan

- (v) pencapaian matlamat dasar ekonomi negara khususnya dalam meningkatkan penglibatan bumiputera dalam bidang korporat dapat dipercepatkan kerana pertimbangan penjualan syarikat-syarikat kerajaan akan mengambil kira peratusan ekuiti bumiputera di dalam syarikat pembeli.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Dato' Timbalan Menteri menjelaskan faedah-faedah lain bila syarikat-syarikat ini diswastakan. Saya hendak bertanya, semenjak dua sektor yang besar di mana dua syarikat yang besar telah dijual iaitu Malaysia Airlines System (MAS) dalam sektor penerbangan aviation dan yang keduanya dari segi Hicom dalam sektor automobil. Setakat ini adakah kerajaan

berpuas hati dengan perkembangan dan kemajuan sektor itu. Contohnya, dahulu kita mendengar banyak keluhan dari segi pengguna tentang perjalanan MAS itu sendiri, kurang menguntungkan, flight banyak yang lewat.

Yang keduanya, dari segi perkembangan industri berat itu sendiri. Bagaimana dengan kemasukan individu dalam Hicom ini? Adakah kerajaan nampak bibit-bibit satu kemajuan yang baik dari segi pandangan kerajaan? Saya minta sedikit penjelasan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sangat berpuas hati di atas prestasi kedua-dua syarikat yang telah diswastakan iaitu MAS dan Hicom kerana kalau dipandang dari segi pulangan kepada aset adalah melebihi, purata 11% iaitu melebihi paras purata sebelum diswastakan sebanyak 8%. Saya boleh memberi setakat ini sahaja sebagai indicator kepada peningkatan prestasi itu. Selain daripada itu, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tentu membaca dalam akhbar mengenai dengan expansion dan juga pulangan-pulangan yang bertambah dari semasa ke semasa di dalam dua syarikat yang diswastakan itu.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya mendapat tahu setakat ini berapa banyakkah syarikat di bawah Kementerian Kewangan diperbadankan dan berapapula bilangan syarikat-syarikat kerajaan di bawah Khazanah Berhad?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini ada lebih kurang 43 syarikat yang masih lagi di bawah Kementerian Kewangan iaitu di bawah pendaftaran Menteri Kewangan dan diperbadankan. Dan syarikat di bawah Khazanah Malaysia Sdn. Bhd. setakat ini hanya ada 11 sahaja yang telah diserahkan kepada pihak Khazanah oleh Kementerian Kewangan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Mohamed Khaled bin Nordin.

(Soalan No. 2—Y.B. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin (Johor Bahru) tidak hadir)

INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS)— KEUTAMAAN KEPADA NEGERI PANTAI TIMUR

3. Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis) minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada negeri-negeri Pantai Timur diberi keutamaan untuk memajukan Projek Industri Kecil dan Sederhana (IKS) memandangkan projek-projek industri berat kurang mendapat perhatian di negeri-negeri berkenaan khususnya di negeri Pahang. Jika ada, berapa peratuskah daripada jumlah IKS yang diluluskan di seluruh negara setakat ini sudah beroperasi di Pantai Timur dan berapakah nilai pelaburan projek berkenaan.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Kerk Choo Ting): Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah melaksanakan insentif khas bagi industri-industri yang ditempatkan di kawasan yang digalakkan dalam Koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Tujuan mengadakan insentif khas ini adalah untuk memastikan pembangunan yang seimbang di antara wilayah-wilayah dan hasrat untuk mendorong lebih banyak pelaburan di negeri-negeri kurang maju. Untuk tujuan insentif ini, Koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia ditakrifkan sebagai keseluruhan negeri Kelantan, negeri Terengganu, negeri Pahang kecuali daerah Kuala Lipis, Raub, Jerantut, Cameron Highlands, tetapi termasuk

kawasan perindustrian yang diluluskan oleh kerajaan negeri dalam daerah tersebut. Pakej insentif khas ini terbuka kepada semua jenis industri yang digalakkan termasuk projek industri kecil dan sederhana.

Mengenai jumlah syarikat-syarikat IKS yang terdapat di seluruh negara sekarang ini, mengikut kajian IKS yang dilaksanakan dalam tahun 1994 yang meliputi syarikat-syarikat IKS yang mempunyai modal berbayar tidak melebihi RM2.5 juta dan pekerja sepenuh masa seramai 5 orang hingga 75 orang, hanya 17% atau sebanyak 2,015 syarikat daripada jumlah keseluruhan syarikat IKS dikenal pasti beroperasi di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

Mengenai nilai pelaburan projek-projek IKS yang beroperasi di negeri-negeri Pantai Timur, kajian yang sama telah mengenal pasti, sebanyak 1,121 syarikat IKS atau 55.6% daripada keseluruhan syarikat IKS yang beroperasi di negeri-negeri Pantai Timur mempunyai modal berbayar kurang daripada RM¹/₂ juta. Manakala terdapat sebanyak 127 syarikat IKS sahaja yang mempunyai modal berbayar sebanyak di antara ringgit RM(juta dan RM2.5 juta.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita tahu bahawa kerajaan negeri mempunyai program IKS mereka masing-masing. Sekarang kementerian juga ada menganjurkan IKS. Apakah bentuk kerjasama dan penyelarasan terhadap perkembangan IKS di negeri-negeri ini supaya mereka ini tidak bersaing sesama sendiri dan juga boleh dikenal pasti untuk diberi panduan kepada IKS-IKS yang dibentuk oleh negeri.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan negeri mempunyai peranan yang tersendiri dalam mendirikan tapak-tapak perindustrian. Kerajaan Persekutuan mempunyai polisi dan

insentif-insentif khas yang akan diberi kepada syarikat-syarikat IKS. Jadi, dua peranan itu tidak bercanggah satu sama lain dan tidak akan bersaing satu sama lain. Kita bekerjasama di antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri.

Untuk menyelaraskan perkara ini, kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan sentiasa mengadakan dialog mengenai perkara ini.

PEKEBUN KECIL GETAH— MENGHAPUSKAN BANTUAN MENANAM SEMULA

4. Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa) minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan adakah benar bahawa bantuan menanam semula kepada pekebun-pekebun kecil getah akan dihapuskan. Jika benar, nyatakan mengapa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Tuan Douglas Uggah Embas): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa program bantuan tanaman semula getah akan dihapuskan.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, kalau memang benar perkara ini tidak sebagaimana yang ditanyakan, kalau tidak untuk menghapuskan bantuan tanam semula itu, adakah cadangan kementerian untuk mengurangkan jumlah hektar bagi setahun bantuan tanaman semula getah dari semasa ke semasa dan meliputi seluruh daerah? Adakah benar keluasan bantuan tanam semula getah itu akan dikurangkan?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, keluasan yang akan dibangunkan itu bergantung kepada kemampuan kerajaan. Kementerian juga akan mencari berbagai alternatif untuk menentukan sektor ini dapat dibangunkan selari dengan dasar negara.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Robert Lau Hoi Chew.

(Soalan No. 5—Y.B. Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu) tidak hadir)

'HUJAN ASID' DI BARIO— SEBAB UTAMA

6. Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu) minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa 'hujan asid' melanda Bario, di Bahagian Miri beberapa bulan yang lalu. Apakah penyebab utama hujan asid. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk memastikan hujan jenis ini tidak berbahaya kepada alam sekitar di sana.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Dato' Abu Bakar bin Daud): Tuan Yang di-Pertua, untuk Ahli Yang Berhormat, memandangkan kedudukan Bario yang terletak di kawasan pedalaman dan ianya tidak mempunyai industri mencemar serta juga bilangan kenderaan bermotor yang kecil, besar kemungkinan kejadian hujan asid tidak berlaku di kawasan berkenaan. Walau bagaimanapun, jika Ahli Yang Berhormat dapat memberi maklumat lanjut tentang kejadian ini, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan menjalankan penyiasatan bagi menentukan punca dan kejadian untuk hujan asid tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dalam usahanya mencegah kejadian hujan asid dari berlaku di negara ini telah mengambil tindakan kawalan, antara lain, dengan mempertingkatkan penguatkuasa undang-undang, pelepasan bahan pencemar seperti

oxide nitrogen dan gas sulphur dioxide yang dilepaskan oleh kenderaan bermotor dan industri. Standard pelepasan bahan pencemar ditetapkan supaya keadaan kualiti udara adalah terkawal dan sentiasa di bawah paras yang disyorkan.

HOSPITAL SWASTA/DOKTOR PAKAR—JUMLAH

7. Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut) minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) jumlah hospital swasta di seluruh Malaysia dan jumlah pakar-pakar perubatan di seluruh negara; dan
- (b) jumlah kematian disebabkan sakit jantung bagi tahun-tahun 1994 dan 1995 serta jumlah doktor mengikut peratus nisbah rakyat Malaysia.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) sehingga 31hb Disember, 1995 terdapat 197 hospital swasta dan seramai 2,173 pakar-pakar di Malaysia.
- (b) jumlah kematian disebabkan sakit jantung yang dilaporkan oleh hospital-hospital di bawah kementerian ialah seperti berikut:

| Tahun | Jumlah kematian |
|-------|------------------------------------|
| 1993 | 2,873 |
| 1994 | 4,038 |
| 1995 | masih dalam peringkat pengumpulan. |

Berdasarkan data 1995, nisbah doktor/penduduk ialah 1: 2,109 dan bilangan doktor 9,608 berbanding penduduk berjumlah 20,267,600.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberitahu Dewan yang mulia ini berapakah pakar 'speechtherapy' di negara kita ini? Adakah berita bahawa cuma ada dua orang sahaja di negara kita dan masih banyak kekurangan? Saya harap dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, memang kita mempunyai kekurangan pakar 'speechtherapy' tetapi dalam senarai yang ada pada saya, saya ada beberapa data berkenaan dengan apa yang ahli specialist yang ada di peringkat awam di sektor kerajaan dan juga di sektor swasta. Tetapi bagi 'speechtherapy' memang kita berkurangan, dan kerajaan akan mengambil tindakan untuk meningkatkan lagi. Tetapi untuk data lanjutan, saya boleh beri data itu kepada Yang Berhormat. Kalau saya hendak baca terlalu panjang tentang jumlah detailnya.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada pertumbuhan hospital swasta dari segi kompetitifnya adalah baik. Cuma adakah kerajaan menetapkan satu garis panduan mengenai profesional fee, bayaran hospital yang dikenakan oleh hospital-hospital swasta ini, kerana nampaknya bayaran yang dikenakan oleh mereka adalah terlalu tinggi. Adakah kerajaan berhasrat untuk mengenakan satu standard ataupun bayaran standard untuk semua bayaran-bayaran hospital swasta di seluruh negara, seimbang dengan apa yang dikenakan oleh hospital kerajaan?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Hospital swasta itu mestilah mengikut tuntutan keperluan perkhidmatan, market demand. Walaupun bilangan yang saya berikan itu nampak tinggi daripada hospital-hospital kerajaan

yang ada, tetapi mengikut Akta Hospital Swasta, pelesenan kepada hospital persendirian ataupun swasta boleh dilakukan kalau menunjukkan bahawa lebih daripada dua katil. Jadi, maknanya dalam 197 hospital termasuk rumah-rumah bersalin dan apa juga bentuk hospital swasta yang termasuk juga kategori yang mempunyai mungkin dua katil atau atas 10, 20 atau 50.

Jadi, dalam soal menentukan garis panduan pembayaran, memang betul, kita menggalakkan ataupun MMC menggalakkan supaya bayaran itu sedekat mungkin tidak lari daripada yang ada Akta Fee yang digunakan oleh kerajaan, tetapi memandangkan bahawa pelbagai kemudahan yang disediakan oleh mereka yang terlibat dengan pengendalian hospital swasta yang berkaitan dengan jenis-jenis perkhidmatan specialist atau yang tidak lengkap, yang mencukupi ataupun ruang, space yang digunakan, kemudahan seperti berhawa dingin dan sebagainya, kerajaan telah menjalankan satu kajian pada bulan Mac tahun ini untuk menakrifkan dan menentukan kriteria-kriteria yang terdapat di dalam hospital-hospital swasta supaya dapat digredkan atau diasingkan mengikut kategori atau jenis-jenis kemudahan yang ada, yang setimpal dengan pembayaran-pembayaran yang dikenakan termasuk pembayaran ubat, jenis-jenis ubat dan juga jenis-jenis kepakaran yang dikenakan dari segi khidmat bayaran.

Jadi, dengan selesainya kajian ini dan cadangan akan diusahakan bersama oleh pihak pengusaha swasta dan juga kerajaan, mungkin orang ramai akan mendapat panduan yang lebih baik untuk membuat pilihan-pilihan mendapat perkhidmatan hospital swasta mengikut taraf kemampuan mereka.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Dato' Joseph Chong Chek Ah.

(Soalan No. 8—Y.B. Dato' Joseph Chong Chek Ah [Batu] (tidak hadir)

**KERETAPI TANAH MELAYU—
PENSWASTAAN DAN
PERKHIDMATAN 'TILTING
TRAIN'**

9. Dato' Hon Choon Kim (Seremban) minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sama ada kerajaan berhasrat untuk menswastakan Keretapi Tanah Melayu. Jika ya, bilakah ia akan diswastakan; dan
- (b) bilakah kereta api yang bercorak 'tilting' akan diperkenalkan di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan (Tuan Chor Chee Heung): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) KTM telah diperbadankan pada 1hb Ogos, 1992 dan didaftarkan sebagai KTM Berhad di mana 100% saham KTMB dipegang oleh Kerajaan Malaysia sebagai langkah pertama ke arah penswastaaan KTMB.

Kerajaan sedang mengkaji penswastaaan sepenuhnya KTMB dan buat masa sekarang keputusan mengenai bila KTMB akan diswastakan belum ditetapkan;

- (b) Adalah dijangka perkhidmatan tren pendular 'tilting train', dengan izin, dapat diperkenalkan di negara ini dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh iaitu daripada tahun 1996 (tahun ini) hingga tahun 2000.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, bagi perkhidmatan 'tilting train' ini ianya memerlukan konsep dan teknologi yang berlainan dan tertentu. Bolehkah saya dapat tahu dari negara manakah teknologi

itu diambil dan dimanakah projek ini akan diperkenalkan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, seperti kita semua maklum, konsep dan pelaksanaan 'tilting train' ataupun tren pendular ini telah lama diperkenalkan di dua buah negara yang begitu berjaya dapat melaksanakannya iaitu di Itali dan Jepun dan pada hemat kementerian, kemungkinan projek ini jika dilaksanakan dalam negara kita, kita akan menggunakan teknologi dari Itali.

Bagi soalan yang kedua, iaitu berkenaan dengan di mana tempat jika ia dilaksanakan, saya ingin menyatakan di sini selepas kementerian mendapat peruntukan dari Rancangan Malaysia Ketujuh, tempat yang pertama di mana 'tilting train' akan dilaksanakan adalah dari Johor ke Kuala Lumpur dalam fasa pertama dan fasa kedua adalah dari Kuala Lumpur ke Ipoh dan akhirnya adalah dari Ipoh ke Padang Besar.

**PROJEK PEMBANGUNAN LUAR
BANDAR DI SABAH—
KELEWATAN**

10. Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran) minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan sama ada kementerian sedar bahawa kebanyakan projek pembangunan di luar bandar di Sabah tidak siap dan apakah sebabnya perkara ini berlaku.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Tuan Douglas Uggah Embas): Tuan Yang di-Pertua, dakwaan bahawa kebanyakan projek pembangunan luar bandar di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar di negeri Sabah tidak siap adalah tidak tepat.

Dalam Rancangan Malaysia Keenam, KPLB dengan kerjasama Jabatan

Pembangunan Persekutuan Negeri Sabah telah mengenal pasti dan melaksanakan sejumlah 10,022 projek luar bandar di negeri Sabah. Dari jumlah tersebut sebanyak 9,500 projek atau 94.8% telah siap dilaksanakan, manakala 273 projek dalam pelaksanaan mengikut jadual dan hanya 249 atau 2.4% projeknya lewat dari jadual atau belum dimulakan pelaksanaannya.

Kelewatan siap atau mulanya projek-projek tersebut adalah disebabkan masalah-masalah berkaitan dengan kontraktor, bahan binaan sukar serta lewat diperolehi, gangguan cuaca kerana seringkali hujan dan lokasi projek yang jauh terpencil.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, saya terkilan dengan jawapan Setiausaha Parlimen tadi oleh kerana dia kata tidak tepat, tetapi persoalannya di sini ialah mungkin pada hakikatnya siap tetapi tidak menurut spesifikasi yang seharusnya. Jadi, inilah yang kita katakan tidak siap, saya boleh memberi contoh di satu kawasan di tempat saya di mana sebuah jalan raya yang seharusnya dibina dengan perbelanjaan RM60,000 dan seharusnya jalan raya semi-grouting, tetapi jalan raya itu hanya dilakukan dengan menimbus dan ini hanyalah satu contoh sahaja, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, soalnya.

Tuan Yunof Edward Maringking: Soalan saya, adakah yang sedemikian juga dikatakan siap, tidak menurut spesifikasi?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, rupanya Ahli Yang Berhormat ini marah kerana Kerajaan Barisan Nasional berjaya melaksanakan projek luar bandar di Sabah. (*Tepuk*) Oleh itu, dia terkilan. Kita sentiasa mengesan

pelaksanaan semua projek. Kalau Ahli Yang Berhormat ada projek-projek yang tertentu yang difikir tidak siap, Y.B boleh membuat aduan kepada kementerian.

**PENEROKAAN HUTAN
SIMPANAN/TANAH KERAJAAN
OLEH
PEKERJA ASING DAN
PENDATANG TANPA IZIN**

11. Tuan Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman (Pokok Sena) minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan kerajaan terhadap pekerja-pekerja asing dan pendatang-pendatang tanpa izin yang telah meneroka hutan-hutan simpanan kerajaan dan tanah-tanah kerajaan untuk membuat perkampungan mereka.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri bersedia membatalkan pas kerja bagi pekerja asing yang bekerja secara sah yang didapati telah meneroka hutan-hutan simpan kerajaan atau tanah-tanah kerajaan untuk membuat perkampungan dan majikan mereka akan dikehendaki menghantar pulang pekerja terlibat.

Seterusnya nama mereka akan disenaraihitamkan dan tidak dibenarkan lagi memasuki negara ini. Bagi pendatang tanpa izin yang menjalankan kegiatan yang sama akan ditangkap, ditahan dan dihantar pulang.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri hanya dapat mengambil tindakan seperti di atas jika mendapat kerjasama pihak berkenaan seperti Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Daerah dan Tanah.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak ubah sedikit sahaja soalan asal

iaitu apakah tindakan kerajaan untuk memperkembangkan agensi-agensinya pelaksana dan pengawalan yang telah membenarkan pendatang-pendatang tanpa izin untuk meneroka hutan-hutan simpan kerajaan dan juga tanah-tanah kerajaan untuk membuat perkampungan mereka?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa faham apakah maksudnya.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah tadi, soalnya ialah apakah tindakan yang diambil ke atas pendatang-pendatang tanpa izin itu tadi. Saya hendak bertanya apakah tindakan-tindakan susulan untuk menyelaraskan supaya agensi dan juga badan pihak-pihak berkuasa yang berkenaan yang telah membenarkan pendatang-pendatang tanpa izin tadi meneroka hutan simpan kerajaan dan membuat perkampungan mereka, jadi, apakah tindakan susulan untuk memastikan perkara yang sedemikian dari segi mekanisme pengawalan kita tak berlaku lagi perkara seperti ini.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya semua agensi yang berkenaan itu tidak boleh membenarkan sama sekali sesiapa pun terutamanya pendatang tanpa izin bukan sahaja meneroka ataupun mendirikan rumah, mereka tidak sepatutnya berada di negara ini. Maka pihak penguatkuasa sama ada polis atau Imigresen tetap akan menangkap kalau diketahui maklumat, tak kira di mana mereka berada.

Tetapi Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengalu-alukan kerjasama daripada pihak-pihak berkuasa tempatan seperti baru-baru ini timbul isu rumah setinggan telah dibina di tanah simpanan termasuk di kawasan Hulu Langat dan sebagainya.

Kerajaan Pusat rasa kerajaan setempat atau kerajaan negeri sepatutnya

mengadakan koordinasi di mana perlu tindakan penguatkuasa, maklumkanlah kepada polis atau kepada Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini ada mengarahkan kerajaan negeri untuk memusnahkan semua perkampungan haram yang ada didirikan oleh pendatang tanpa izin dan sungguhpun satu masa perkara ini diheboh-hebohkan di mana Menteri Besar Selangor berkata bahawa dalam masa 2 minggu semua perkampungan haram khasnya 8 yang dikenal pasti di Hulu Langat akan dimusnahkan, tetapi deadline sudah habis, 3hb April sudah lepas, tetapi tidak ada apa-apa tindakan, selain daripada satu tindakan terhadap satu perkampungan di Ampang Jaya iaitu di Kampung Pandan. Tetapi selepas itu semuanya nampak sudah fizzle out. Memandangkan perkara ini sangat serius dan ada bersangkutan paut dengan sama ada kita berjaya untuk mengawal masalah pendatang tanpa izin, adakah task force, pasukan khas yang ada ditubuhkan, khasnya mengenai pendatang tanpa izin atau migrant workers, boleh mengadakan satu terms of reference yang baru, di mana ada koordinasi dengan kerajaan tempatan, dengan majlis-majlis tempatan dan kerajaan-kerajaan negeri supaya memastikan bahawa tindakan dijalankan di mana semua perkampungan pendatang tanpa izin, tindakan akan diambil dan bukan semua (100%) terletak dalam tanggungjawab kerajaan tempatan atau kerajaan negeri.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku di Hulu Langat itu saya rasa pihak berkuasa negeri telah pun memberikan penjelasan iaitu mereka akan memberi tempoh dua bulan. Ini adalah sebab ada beberapa perkara yang perlu diambil kira tanpa menjejaskan sensitiviti hubungan dan sebagainya dan juga mungkin kerana pada satu ketika

penempatan ataupun pemindahan mereka itu melibatkan beberapa pihak yang perlu sekarang ini secara bersepadu ditempatkan semula kalau mereka itu sah dari segi permit kerja, dokumen perjalanan. Kalau pendatang tanpa izin tetap akan ditangkap tidak kira satu harikah atau dua bulankah, penguatkuasaan tetap akan dijalankan.

Pasukan Petugas Pekerja Asing memang ada perancangan dan usaha untuk membuat satu kajian terperinci dan juga akan mengadakan cadangan kepada pihak-pihak berkuasa terutamanya dari segi pendatang tanpa izin yang telah masuk pada satu ketika dahulu dan buat masa kini sistem pengambilan pekerja asing memang telah pun diketatkan dan sistem yang baru ini memang sudah mengambil kira segala kelemahan yang dulu, terutamanya tempat kediaman pekerja asing. Mana-mana majikan yang hendak mengambil pekerja asing baru-baru ini mereka wajib menyediakan tempat kediaman. Jadi, maknanya pekerja asing yang akan masuk baru-baru ini tidak akan berlakunya masalah kediaman sehingga mereka mendirikan setinggian dan sebagainya, cuma masalah yang lama itu perlu diatasi secara bersepadu dan memang apa Yang Berhormat katakan itu memang sudah ada dalam perhatian kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Liew Ah Kim.

(Soalan No. 12—Y.B. Tuan Liew Ah Kim [Seputeh] (tidak hadir))

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang.

(Soalan No. 13—Y.B. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang] (tidak hadir))

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Datuk S'ng Chee Hua.

(Soalan No. 14—Y.B. Datuk S'ng Chee Hua [Julau] (tidak hadir))

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ramai tidak hadir.

AKTA KAWALAN SEWA 1966— CADANGAN PEMANSUHAN

15. Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) bilakah cadangan untuk memansuhkan Akta Kawalan Sewa 1966 akan dikemukakan; dan
- (b) bilangan bangunan serta penghuni yang terlibat jika Akta tersebut dimansuhkan dan apakah jenis bantuan yang akan diberikan kepada orang-orang yang terlibat jika Akta ini dimansuhkan.

23-4-96

35. Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) sampai bilakah Akta Kawalan Sewa (Rent Control Act) itu akan dibatalkan; dan
- (b) apakah sebab-sebab di sebalik kelambatan membatalkan Akta tersebut setelah begitu lama cadangan membatalkannya mula diumumkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan yang sama dari Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan pada 10-4-96 dan Yang Berhormat dari Petaling Jaya Utara pada 23-4-96.

- (a) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak dapat menyatakan bila cadangan pemansuhan Akta Kawalan Sewa 1966 akan dikemukakan kerana draf pindaan tersebut sedang dikaji semula.
- (b) Bilangan bangunan yang tertakluk di bawah Akta Kawalan Sewa 1966 adalah 38,823. Bilangan keluarga yang terbabit ialah lebih kurang 70,000.
- (c) Kerajaan sedang mencari jalan yang berpatutan kepada penyewa dan pemilik bangunan terkawal bagi menyelesaikan masalah secara adil bagi kedua-dua pihak. Inilah yang menyebabkan deraf pindaan terpaksa dikaji balik dan pemansuhan belum dapat dibuat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri telah mengajukan soalan yang sama, saya rasa telah tiga kali dan sebelum daripada Yang Berhormat memegang jawatan sekarang pun, dulu—kaji, kaji, kaji, sampai sekarang. Saya bangkitkan ini kerana ia masalah kepentingan orang ramai, fasal terlalu tidak adil kepada tuan-tuan rumah yang menyewa bangunan-bangunan 'control premises' ini dengan bayaran sewa yang begitu rendah. Saya tidak faham mengapa kajian yang diambil begitu lama sampai sekarang akta ini tidak boleh dipinda atau dimansuhkan. Apakah masalah-masalah sebenar yang dihadapi oleh pihak kementerian dan kerajaan dalam membaiki semula atau meminda atau memansuhkan akta ini, kerana dari segi semua aspek, aspek pembangunan ekonomi, keadilan kepada tuan tanah, tidak ada justifikasinya akta ini masih lagi wujud sekarang. Cuba beritahu apa masalah sebenar?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, memang senang bagi pihak pembangkang, apabila

kita mengambil masa untuk mengkaji mereka mengkritik, tetapi kalau kita laksanakan pemansuhan akta kawalan sewa ini dan timbul masalah, mereka juga akan mengkritik kita. Sebagaimana kalau dulu misalnya pembentukan dijalankan oleh kerajaan, mereka selalu menyatakan bahawa pembentukan kita tidak baik, berjalan secara tidak licin, tetapi apabila kita swastakan timbul masalah—kita dikritik.

Jadi untuk mengatasi masalah kritikan daripada pembangkang, terutama sekali saya rasa kawasan-kawasan yang terbabit adalah kawasan pekan dan bukan kawasan PAS ataupun Semangat 46, tetapi ini merupakan kawasan-kawasan pekan, kawasan DAP terutama sekali. Saya rasa antara Yang Berhormat dengan anggota-anggota DAP pun tidak sepakat dalam masalah ini, kerana DAPlah yang akan membangkitkan. Kalau misalnya pihak kerajaan berada di pihak hendak memansuhkan akta ini, DAP akan berada di pihak penyewa-penyewa bangunan yang akan menentang pemansuhan akta ini. Itulah sebabnya kita mengambil sedikit masa supaya apa yang dihasratkan oleh Yang Berhormat itu dapat dilaksanakan.

APEC SEBAGAI BLOK PERDAGANGAN—TAHAP KEJAYAAN

16. Puan Chua Soon Bui (Tawau) minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada APEC akan dijadikan satu blok perdagangan. Jika benar, bagaimana negara kita dapat menyelaraskan keanggotaan kita dengan pendirian kita menentang perlindungan perdagangan antarabangsa. Sila nyatakan juga tahap kejayaan APEC sejak penubuhannya.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Kerk Choo Ting): Tuan Yang di-Pertua, pada

masa ini tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa APEC akan menjadi satu blok perdagangan sebagaimana NAFTA atau Kesatuan Eropah. Konsep penubuhannya adalah sebagai satu forum dialog bagi kerjasama ekonomi dan perdagangan bagi negara-negara di rantau Asia Pasifik. Matlamat penubuhannya adalah untuk menggalakkan perdagangan dan pelaburan di rantau ini melalui pelaksanaan projek dan program kerjasama ekonomi dan teknikal. APEC mengamalkan prinsip nondiscrimination, dengan izin, baik sesama sendiri mahupun dengan negara bukan anggota, di mana faedah daripada liberalisasi boleh dinikmati oleh semua pihak.

Semenjak penubuhannya pada tahun 1989, APEC telah berusaha untuk melaksanakan beberapa projek dan program kerjasama bagi meningkatkan keupayaan negara anggota dalam melaksanakan pembangunan ekonomi mereka. Program kerjasama ini meliputi bidang-bidang seperti sumber tenaga manusia, sains dan teknologi, telekomunikasi, pengangkutan, pelancongan, perikanan, peraturan kastam, pawaiian dan pembangunan industri kecil dan sederhana.

Selain tu APEC juga mempunyai program untuk melonggarkan sekatan-sekatan perdagangan dan mempermudah aliran pelaburan di kalangan negara anggota. Projek dan program ini dijangka akan dapat meningkatkan lagi aliran perdagangan dan pelaburan di kalangan negara-negara APEC khususnya dan dengan negara-negara bukan APEC secara keseluruhannya.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada forum APEC baru-baru ini negara Amerika Syarikat cuba membawa isu keselamatan untuk dibincangkan di forum APEC. Apakah pendirian negara kita dan juga pendirian negara Asean terhadap isu ini.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, perkara keselamatan ini memang menjadi satu tajuk yang selalu diungkit-ungkitkan oleh Amerika Syarikat. Negara Malaysia dan negara Asean dengan sikap yang paling 'prudent' (caution) kita tidak mahu terlibat di dalam perkara-perkara ini setakat ini.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam konteks ASEAN, kita telah bersetuju untuk melaksanakan The Asean Free-Trade Agreement yang kalau tidak salah saya hendak melalui mekanisme CEPT pada tahun 2003. Apakah pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri, dengan kewujudan APEC dan juga forum-forum antarabangsa yang lain, ianya merupakan satu usaha untuk mencairkan ataupun dilute keutuhan pelaksanaan AFTA itu sendiri dengan wujudnya forum seperti APEC, ASEAN dan sebagainya?

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, penubuhan APEC dan AFTA ini adalah dua pertubuhan yang berlainan dan mempunyai peranan yang berlainan juga. Di dalam APEC, ini cumalah satu forum dialog, ia dilaksanakan dalam semangat konsensus dan sikap kerelaan dan dengan cara pragmatik untuk mewujudkan satu forum yang bekerja sama, bersatu padu untuk accomodate anggota-anggota APEC yang terdiri daripada latar belakang yang berlainan tetapi di AFTA ini ia terdiri daripada anggota-anggota ASEAN yang mempunyai bekerjasama dan perpaduan di antara anggota-anggota ASEAN ini adalah lebih erat dan program-program yang dilaksanakan ini lebih efektif.

MATLAMAT WAWASAN 2020— KEJAYAAN AWAL

17. **Tuan Noh bin Omar (Tanjong Karang)** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) usaha-usaha yang telah dijalankan dan dirancang oleh pihak kerajaan untuk merealisasikan cabaran wawasan 2020; dan
- (b) adakah pihak kerajaan berpuashati dengan usaha yang telah dijalankan selama 5 tahun ini dalam usaha kerajaan untuk menyegerakan pencapaian matlamat Wawasan 2020.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, sejak Wawasan 2020 dilancarkan, kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk mencapai objektif menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dari segi ekonomi, politik, sosial, kerohanian, psikologi dan kebudayaan. Selepas pengisytiharan ini, kerajaan telah menggubal Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua yang merangkumi tahun 1991 hingga tahun 2000 yang mengandungi dasar-dasar pembangunan nasional. Pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-6 dan Rancangan Malaysia Ke-7 adalah merupakan proses penterjemahan dasar jangka panjang yang termaktub dalam Wawasan 2020 itu.

Kerajaan telah berusaha menyediakan asas yang kukuh dengan menyusun strategi pembangunan ke arah mencapai tahap pertumbuhan yang tinggi dengan kestabilan harga. Bagi dekad pertama, kerajaan telah merancang untuk mencapai pertumbuhan sebanyak 7% dengan pertumbuhan yang lebih tinggi di bawah Rancangan Malaysia Ke-6 sebanyak 7.5%. Sektor swasta dijangka memainkan peranan utama untuk menyumbang ke arah pertumbuhan ini. Kerajaan sememangnya berpuashati dengan usaha yang telah dijalankan untuk melaksanakan apa-apa yang dirancang.

Dalam tempoh 5 tahun yang lalu, ekonomi telah berkembang pesat pada kadar purata 8.7% setahun. Hasil daripada

usaha-usaha yang dijalankan, kualiti hidup rakyat semakin baik dan keharmonian di antara kaum terus bertambah kukuh. Seterusnya negara telah mencapai kestabilan politik dan sosial menerusi penerapan nilai murni, etika dan moral yang tinggi. Dengan itu, kerajaan akan terus memastikan kestabilan politik yang berteraskan kepada kesefahaman bersama akan dapat dikekalkan menerusi pembangunan seimbang. Terima kasih.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kam sia (Bahasa Cina), dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan..... Saya tidak sangka saya hendak keluar ini, Tuan Yang di-Pertua. *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat tidak ada soalan beri peluanglah kepada orang lain.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, jadi, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya adakah...seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri sedia maklum bahawa masalah yang kita hadapi hari ini ialah masalah sosial. Ini kita tidak dapat nafikan dengan begitu banyaknya anak-anak muda kita dimasukkan di pusat serenti, di samping budaya lepak, bohsia dan sebagainya. Bagi saya ini mungkin menjadi satu penghalang kepada menuju kejayaan Wawasan 2020.

Jadi, apakah tindakan di pihak kementerian untuk memastikan bahawa masalah moral dan sosial yang kita hadapi hari ini dapat kita bendung supaya ia tidak akan menggagalkan wawasan kita dan di samping itu apakah lain-lain masalah yang menjadi penghalang yang mungkin telah dikenal pasti oleh kementerian ke arah kita menjayakan Wawasan 2020? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat saya ingat menumpu kepada gejala sosial yang telah melanda masyarakat remaja kita, masalah bohsia, lepak dan dadah. Ini semuanya nampaknya bertumpu kepada remaja. Kerajaan memang telah mengkaji dan mengambil tindakan-tindakan untuk memulihkan bahkan memperbaiki keadaan ini; pelbagai agensi di bawah beberapa kementerian telah pun mengambil tindakan. Insya Allah pada 13hb ini Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri akan melancarkan satu program baru, program Biro Tata Negara yang diberikan nama 'Jaya Waris'. Namanya selaras menunjukkan usaha ini ialah untuk menjayakan waris kita ataupun anak-anak kita. Program ini adalah program keibubapaan menumpukan usaha kepada pembangunan keupayaan ibu bapa untuk mengasuh, mendidik dan membesarkan anak-anak. Insya Allah, melalui usaha yang dibuat oleh Biro Tata Negara ini, kita akan menjalankannya secara permasalahannya iaitu memperkenalkan program ini kepada masyarakat melalui rangkaian warisan ataupun melalui para-para sahabat Biro Tata Negara.

Masalah yang timbul hari ini ialah berpunca daripada penghijrahan masyarakat daripada persekitaran pertanian yang sudah pun mantap prasarana sosialnya ke persekitaran perindustrian; dengan ramai kita berhijrah ke bandar tetapi persekitarannya tidak mempunyai prasarana yang mantap, prasarana sosial maksud saya, dan dengan itu menjadikan beban ataupun tugas mendidik anak lebih sukar. Dalam masa yang sama kita dicerobohi oleh pelbagai ancaman sosial yang mudah melanda anak-anak kita yang masih mentah pengalamannya dan mereka mudah menjadi 'victim' kepada ancaman sosial ini dan insya Allah, usaha-usaha yang lain akan diteruskan oleh kerajaan dan

saya berharap dengan adanya usaha ini dan dengan adanya sambutan oleh masyarakat, kita akan mencapai kejayaan dan memenuhi hasrat cita-cita kita. Sekian.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan tambahan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Keupayaan keluarga adalah satu aspek untuk mencapai Wawasan 2020. Sepertimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa penghijrahan penduduk dari desa ke bandar merupakan satu faktor. Walau bagaimanapun, dalam kita bergerak ke arah perindustrian, apakah langkah kerajaan untuk mempertingkatkan keupayaan tenaga kerja dan buruh-buruh kita supaya kita tidak terlalu bergantung kepada tenaga kerja asing yang begitu banyak, bukan sahaja datang dengan, malah tanpa izin pun masih ramai.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kepada corak tenaga kerja asing, yang ramai ialah daripada tenaga-tenaga kerja yang bekerja sebagai buruh dan ini tidak dapat kita elakkan kerana masih banyak lagi kerja-kerja di negara kita yang memerlukan kepada khidmat buruh. Kerajaan telah pun berusaha meningkatkan kualiti kerja di negara kita dengan menumpukan ataupun menekankan kepada usaha-usaha supaya pelaburan industri di dalam negara ini ditumpukan kepada industri yang lebih canggih.

Tetapi sementara hasilnya tiba, kita masih terpaksa bergantung kepada buruh-buruh asing ini. Insya-Allah, saya percaya, dengan rancangan yang ada dalam negara kita ini, kita akan terus mengurangkan industri-industri ataupun kerja-kerja yang memerlukan tenaga kerja buruh dan ditumpukan kepada kerja-kerja yang memerlukan kualiti.

Inilah sebabnya baru-baru ini kita di dalam Dewan ini telah pun meluluskan Akta Pendidikan dan akta-akta yang

berkaitan dengannya supaya kita dapat tumpukan kepada menghasilkan tenaga yang lebih berilmu untuk membolehkan kita masuk ke dalam bidang industri canggih.

PENGURUSAN SUKAN— LANGKAH MENGATASI MASALAH

18. Datuk Abu Seman bin Haji Yusof (Alor Gajah) minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) sebab-sebab utama mengapa berlakunya masalah pengurusan dan pentadbiran sesuatu jenis sukan di negara ini; dan
- (b) sudahkah langkah-langkah diambil untuk mengatasi masalah beberapa bidang sukan tempatan seperti lumba basikal, bola sepak, sepak takraw dan olahraga.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian Belia dan Sukan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Ka Ting): Baiklah. (*Ketawa*)

Tuan Ong Ka Ting: Untuk bahagian:

- (a) Sebab-sebab utama mengapa berlakunya masalah pengurusan dan pentadbiran sesebuah jenis sukan di negara ini ialah:
 - (i) wujudnya unsur politicking di antara kumpulan pemimpin persatuan sehingga timbulnya kumpulan atau berpuak-puak;
 - (ii) pengurusan yang tidak cekap dan selalunya memberi alasan kerana bertugas secara sukarela;
 - (iii) pegawai-pegawai yang kurang sesuai dipilih;

- (iv) pegawai-pegawai berebut untuk memegang jawatan atau tidak mahu melepaskannya kepada orang yang lebih berkelayakan oleh kerana kepentingan peribadi.

(b) Pada asasnya, Kementerian Belia dan Sukan tidak mempunyai kuasa ke atas persatuan-persatuan sukan. Apa yang dilakukan ialah dengan memberi pandangan dan nasihat kepada persatuan-persatuan yang mempunyai masalah melalui perjumpaan-perjumpaan yang diadakan dari masa ke semasa.

Di antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh persatuan sukan ialah:

- (i) membekukan peruntukan atau bantuan kewangan sekiranya masalah dalaman persatuan berterusan;
- (ii) memberi bantuan kewangan untuk membolehkan persatuan melantik setiausaha kerja bagi melicinkan pengurusan persatuan;
- (iii) mulai tahun 1996 ini, semua persatuan yang menerima bantuan kerajaan dikehendaki menandatangani perjanjian yang menekankan prinsip akauntabiliti, saling hormat-menghormati, menggunakan saluran yang tertentu untuk menyuarakan masalah dan mengemukakan laporan secara berjadual;
- (iv) cadangan mewujudkan Akta Pembangunan Sukan dan menjelaskan peranan setiap pihak serta menyediakan mekanisme bagi mengatasi masalah-masalah yang sedang timbul.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat Kepong, bila pula potong misai ini?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Rompin, jangan soal macam itu, Yang Berhormat. (*Ketawa*) Ya, Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan Yang Berhormat pun bukan di dalam Kementerian Belia dan Sukan..... (*Disampuk*) Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa di dalam persediaan untuk Sukom atau Sukan Komanwel pada tahun 1988, Rompin mesti tahu kerana dia hanya berminat dengan projek-projek vendor dan payung sahaja. (*Ketawa*) (*Disampuk*) Lebih RM1,000 juta telah pun diperuntukkan untuk Sukom dan apakah usaha kerajaan, selain dari yang disebutkan tadi untuk menyelesaikan masalah politicking ini termasuk ada setengah-setengah pemimpin-pemimpin parti yang menanggung di air keruh yang menambahkan politicking ini sehingga merosakkan beberapa Majlis Sukan? Apakah tindakan yang telah diambil untuk memastikan, dengan pelaburan yang begitu besar, negara ini akan mewujudkan atlet dan ahli sukan yang bertaraf antarabangsa?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang disebutkan di dalam bahagian (b) tadi sebenarnya adalah jawapan kepada soalan tambahan itu. (*Ketawa*) (*Tepuk*)

Tuan Yunof Edward Marinking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah benar bahawa masalah rasuah di dalam sukan di negara ini begitu berleluasa oleh kerana pengaruh wang di dalam kehidupan

masyarakat sukan begitu tinggi? Kalau ini benar, apakah tindakan kerajaan untuk menghapuskan rasuah di dalam sukan?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, masalah rasuah ini timbul di mana-mana juga dan dalam sistem perundangan negara kita, rasuah itu tidak dibenarkan di mana-mana. Maka oleh sebab itulah, kalau Yang Berhormat masih ingat pada satu ketika, ini fasal rasuah bola sepak, mereka yang terlibat itu telah pun ditangkap dan dikenakan tindakan.

Selain daripada undang-undang yang ada, sepertimana saya terangkan tadi, Kementerian Belia dan Sukan memang sudah bercadang untuk mengadakan Akta Pembangunan Sukan dan juga mengadakan perundingan dan konvensyen kebangsaan yang akan diadakan dalam beberapa hari ini dan saya rasa semua itu adalah usaha ke arah mencegah apa-apa gejala yang kurang sihat di dalam bidang sukan.

PELEBARAN JALAN SUNGAI BESI—PELAKSANAAN PROJEK

19. Dato' Yap Pian Hon (Serdang) minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) cadangan masa pelaksanaan projek pelebaran Jalan Sungai Besi; dan
- (b) cadangan kadar tol dalam penswastan ini dan penyediaan jalan alternatif.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Railey bin Haji Jaffrey): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) cadangan projek menaik taraf dan melebarkan Jalan Sungai Besi secara penswastan akan dilaksanakan setelah perjanjian penswastan projek ini disetujui oleh kerajaan. Adalah dijangkakan projek jalan ini akan dilaksanakan, jika dipersetujui, pada tahun ini dan disiapkan pada tahun 1999.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar tol yang akan dipungut di Jalan Sungai Besi masih lagi dalam pertimbangan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Jalan Balakong ke Seri Kembangan dan Taman Putrajaya telah dikenal pasti sebagai jalan alternatif bagi pengguna-pengguna jalan raya daripada Kajang dan Balakong yang tidak mahu menggunakan Jalan Tol Sungai Besi.

Tuan Fu Ah Kiow: Soalan tambahan. Bolehkah saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan di manakah wujud jalan alternatif untuk penduduk di Kampung Baru Salak South? Setahu saya bila projek baru ini disiapkan tidak ada jalan alternatif untuk penduduk di situ.

Soalan tambahan kedua ialah, saya difahamkan projek ini akan melibatkan pengambilan tanah di sepanjang Jalan Sungai Besi termasuk tanah-tanah persendirian di kampung baru. Bolehkah kementerian Yang Berhormat mengkaji semula kemungkinan lokasi tol dan juga kemungkinan mengelakkan pengambilan tanah di kawasan itu?

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan jalan alternatif selain daripada Jalan Balakong, Seri Kembangan dan Putrajaya yang mana Yang Berhormat timbulkan tadi soal di manakah jalan alternatif bagi Salak South, dalam pelaksanaan projek ini nanti akan dikenal pasti tempat-tempat selain daripada yang disebutkan ini untuk diungkapkan di dalam rangkaian jalan alternatif ini sebelum sebarang perjanjian dibuat atau ditandatangani. Dan berhubung dengan pengambilan tanah, memang benar ia akan melibatkan banyak pihak di dalam pengambilan tanah ini yang mana di antaranya kilang-kilang, tanah-tanah persendirian yang melibatkan rumah-rumah termasuklah rumah setinggan dan sebagainya, di mana dianggarkan pihak

syarikat konsesi yang akan diberikan kerja ini nanti sebanyak lebih kurang RM180 juta akan terlibat di dalam membayar balik ganti rugi tanah ini.

Berkenaan dengan lokasi tol, ianya akan dibuat dalam dua poin. Iaitu satu terletak berhampiran Mines Tol Plaza, yang satu lagi di Salak Jaya Tol Plaza yang merupakan sistem tol terbuka.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mempunyai kepentingan peribadi melalui jalan ini. (*Ketawa*) Saya ingin kepastian apabila Jalan Seremban-Kuala Lumpur dilebarkan dan ditambahkan lorongnya, kesesakan hanya dapat diatasi dalam tempoh dua minggu sahaja, selepas itu sesak semula. Soalan saya, bagaimanakah Yang Berhormat atau kementerian hendak memastikan apabila ada jalan tol ini dan ada jalan alternatif, kesesakan dapat diatasi dan tidak berlaku sebagaimana Seremban-Kuala Lumpur Highway?

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa merancang untuk mengelakkan sebarang kesesakan di mana-mana pun bukan sahaja di highway Kuala Lumpur-Seremban. Pendek kata di mana-mana di dalam Kuala Lumpur ataupun persekitaran Kuala Lumpur ini. Tetapi, perkiraan kadang-kadang meleset oleh kerana kita jangkakan sesuatu yang mungkin tidak berlaku, boleh berlaku. Dengan tiba-tiba bilangan kenderaan bertambah dengan begitu besar pada masa yang tidak kita jangkakan akan berlaku.

Jadi, dalam erti kata yang lain, kita akan terus merancang dan melihat di mana keperluan-keperluan yang boleh dilakukan untuk mengelakkan kesesakan di satu-satu jalan raya itu, kita akan usahakan. Itulah makanya dibenarkan penswastan jalan raya ini dibuat supaya memberikan

lebih ruang kepada pihak-pihak swasta mengusahakan jalan ini sendiri tanpa menyusahkan kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Soal Jawab Mulut telah pun suntek.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 5, 8, 12, 13, 14 dan 20 hingga No. 49 akan dijilid dalam buku berasingan).

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA (PINDAAN) 1995

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.35 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Sumber Manusia (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk meminda Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Kumpulan Wang Pembangunan Sumber telah diwujudkan melalui Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992 bertujuan untuk menggalakkan majikan-majikan melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja. Dalam suasana pasaran buruh yang ketat yang dihadapi oleh negara pada masa ini, latihan semula tenaga pekerja adalah sangat diperlukan untuk mewujudkan kepakaran dalaman supaya kemahiran dan pengetahuan pekerja dapat disesuaikan dengan pengetahuan teknologi baru. Majikan yang mempunyai tenaga

pekerja yang berkemahiran akan membantu mereka meningkatkan kualiti, produktiviti berdaya maju yang akan dapat mengekalkan daya saing mereka di pasaran.

Pada masa Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992 meliputi majikan-majikan sektor perkilangan yang mempunyai pekerja seramai 50 orang dan ke atas dan mereka yang mempunyai pekerja antara 10 ke 49 orang dan dengan modal berbayar RM2.5 juta dan ke atas. Turut diliputi ialah majikan-majikan sektor perkhidmatan yang mempunyai pekerja seramai 10 orang dan lebih di dalam industri hotel, agen pengembaraan, pengiklanan, perkhidmatan komputer, penghantaran freight, perkhidmatan telekomunikasi, perkapalan, perkhidmatan pos dan kourier serta pengangkutan udara. Majikan-majikan yang tertakluk di bawah Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992 adalah dikehendaki berdaftar dengan Majlis Pembangunan Sumber Manusia dan membayar levi pembangunan sumber manusia pada kadar 1% daripada upah bulanan pekerja. Semenjak akta ini dikuatkuasakan mulai Januari 1993 sehingga 15hb Mac 1996, seramai 4,870 majikan telah berdaftar dengan Majlis Pembangunan Sumber Manusia dan 4,053 adalah daripada majikan sektor perkilangan dan 817 dari sektor perkhidmatan.

Dalam tempoh berkenaan, levi pembangunan sumber manusia yang telah disumbangkan oleh majikan adalah sebanyak RM236,378,656. Seperti diperuntukkan di bawah akta ini, majikan-majikan yang telah berdaftar dan telah membayar levi untuk tempoh enam bulan adalah layak mendapat geran latihan apabila melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja. Sehingga ini majlis telah melaksanakan empat skim latihan bagi tujuan pemberian geran latihan kepada majikan-majikan.

Skim-skim tersebut adalah Skim Bantuan Latihan (SBL), Skim Pelan Latihan (PLT), Skim Latihan Program Yang Diluluskan (PROBLUS) dan Skim Perjanjian Latihan Dengan Penyelia Latihan (PERLA). Satu skim baru iaitu skim perantisan akan diperkenalkan pada tahun 1996. Skim perantisan yang bertujuan lepasan sekolah diambil oleh para majikan dilatih sebagai pekerja mahir bagi industri elektronik dijangka dapat dilaksanakan pada akhir bulan April ini. Manakala skim yang sama bagi industri perhotelan pada akhir bulan Julai. Sebagai usaha tambahan untuk menggalakkan majikan menjalankan latihan terutama latihan dalaman, skim bantuan kewangan membeli alat bantuan latihan, mengadakan bilik latihan disediakan. Dalam pada itu, usaha untuk mempertingkatkan lagi penggunaan Skim Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia dijalankan berterusan dan tiga skim latihan baru dapat diperkenalkan pada awal tahun 1996. Skim-skim itu adalah Skim Latihan Bersama, Skim Latihan Berkelompok dan Skim Pinjaman Faedah Rendah.

Mulai 1hb. Januari 1993 sehingga 15hb Mac 1996, seramai 807,101 orang pekerja telah diluluskan untuk dilatih semula dengan melibatkan peruntukan kewangan sebanyak RM164,032,704. Dalam pada itu sebanyak RM1,485,444 pula telah diluluskan kepada majikan bagi tujuan pembelian peralatan bantuan latihan untuk memudahkan mereka menjalankan latihan dalaman.

Di bawah Skim Pinjaman Faedah Rendah yang akan dilaksanakan kelak, sejumlah RM50,841,688 sudah tersedia kepada pusat-pusat latihan yang ditadbirkan oleh industri, persatuan majikan dan institut latihan swasta teknikal membaharui dan meningkatkan peralatan latihan mereka serta mengadakan woksyp moden dan bermutu. Pinjaman ini adalah bertujuan menambah penawaran latihan teknikal khususnya dalam bidang

teknologi baru. Jumlah tersebut adalah daripada levi untuk tahun 1993 yang tidak dituntut oleh majikan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memperluaskan dan memperkemas lagi pelaksanaan Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992, adalah dicadangkan beberapa seksyen di dalam akta ini dipinda. Ia bermula dengan cadangan di Fasal 2, yang bertujuan meminda Seksyen 2 Akta untuk meminda takrif yang sedia ada di samping memasukkan takrif baru.

Sehubungan ini, takrif 'kontrak perantisan' adalah dipinda dengan menggantikan 'tempoh perantisan yang ditetapkan tidak kurang daripada satu tahun kepada satu tempoh yang diluluskan oleh Ketua Pengarah'. Pindaan ini mengeluarkan ketegaran yang ada dan memberikan fleksibiliti menangani kewujudan tempoh latihan perantisan yang berbeza antara sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan, dengan memberikan kuasa kepada Ketua Pengarah Majlis untuk meluluskan sewajarnya sesuatu tempoh latihan perantisan.

Tempoh latihan yang panjang hanya sesuai untuk melatih tenaga kerja dalam sektor perkilangan. Ini kerana latihan-latihan teknikal memerlukan latihan teori, praktikal dan latihan praktik di tempat kerja yang melibatkan penggunaan mesin dan peralatan latihan. Sebaliknya sektor perkhidmatan memerlukan tempoh latihan yang lebih singkat kerana jenis pekerjaannya tidak menggunakan teknologi yang kompleks, misalnya agensi pengembaraan. Oleh itu, adalah didapati sesuai dan praktik, Ketua Pengarah Majlis diberi kuasa untuk meluluskan sesuatu kontrak perantisan setelah berbincang dengan majikan-majikan di industri berkenaan.

Selaras dengan pindaan tafsiran 'kontrak perantisan' takrif baru 'Ketua

Pengarah' perlu dimasukkan sebelumnya. Takrif baru 'Ketua Pengarah' yang membawa erti 'Ketua Pengarah' yang dilantik di bawah Seksyen 20 Akta akan membolehkan Ketua Pengarah Majlis meluluskan suatu tempoh latihan perantisan ekoran perubahan kepada tafsiran kontrak untuk perantisan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 3 adalah untuk memasukkan seksyen baru 3A selepas Seksyen 3 akta ibu. Seksyen 3A akan membolehkan majikan-majikan sektor perkilangan yang mempunyai pekerja antara 10-49 orang dan dengan modal berbayar kurang daripada RM2.5 juta diberi pilihan untuk berdaftar dengan majlis. Mereka ini yang berdaftar hanya perlu membayar levi pembangunan sumber manusia pada kadar setengah peratus daripada upah bulanan pekerja.

Peruntukan baru ini adalah terpakai eksklusif pada golongan majikan berkenaan dan bertujuan menggalakkan mereka bergiat aktif dalam melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja. Ini selaras dengan usaha kerajaan untuk membangunkan perusahaan kecil dalam negara kita agar mereka sama-sama melangkah ke dalam arus pengeluaran berteknologi tinggi.

Peruntukan akta masa kini tidak memberi pilihan kepada majikan dan mereka hanya yang berdaftar dimestikan membayar levi pada kadar 1% daripada upah bulanan pekerja. Sebagai dorongan tambahan, kerajaan juga telah membuat keputusan bahawa majikan-majikan sektor perkilangan berkenaan yang berdaftar dengan majlis akan diberi subsidi, bagi setiap RM1 levi yang dibayar oleh pengusaha-pengusaha kecil ini, kerajaan akan memberi subsidi sebanyak RM2. Skim subsidi ini akan berkuatkuasa selama 5 tahun dan dikaji semula selepas itu. Dalam hubungan ini sebanyak RM20 juta telah diperuntukkan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 4 adalah untuk memasukkan seksyen baru 3B selepas seksyen 3A akta ibu. Ianya bertujuan memberi kuasa secara khusus kepada majlis untuk mengenakan faedah ke atas bayaran levi bertunggak atas kadar 10% setahun berkenaan setiap hari keingkaran atau kelewatan dalam pembayaran.

Adalah dicadangkan supaya amaun faedah minimum RM5 dikenakan atau ringgit tertinggi yang paling hampir mengikut mana yang lebih tinggi. Pada masa ini terdapat sebilangan kecil majikan yang enggan atau lewat membayar levi yang diwajibkan dan tindakan undang-undang sedang diambil terhadap mereka. Dengan adanya peruntukan ini, majlis berharap majikan berkenaan akan terus membayar levi yang diwajibkan mengikut tempoh masa yang ditetapkan dan menggunakannya untuk melatih semula pekerja mereka.

Majikan-majikan yang gagal membayar levi tertunggak berserta faedahnya tidak layak mendapat geran latihan sehingga ia membayar kesemua levi tertunggak berserta faedahnya.

Fasal 5 bertujuan meminda Seksyen 6 akta ibu, pindaan kepada subseksyen 6(1) akan membolehkan majikan yang telah membayar levi setelah didaftar menjadi layak serta-merta untuk memohon dan mendapatkan bantuan kewangan atau faedah yang lain di bawah akta. Mereka boleh terus menjalankan aktiviti latihan tanpa perlu menunggu tempoh selama 6 bulan seperti yang ditetapkan sekarang. Pindaan ini meliberalisasikan lagi penggunaan Skim Perumahan Sumber Manusia, di samping menangani masalah dan keresahan di kalangan majikan-majikan yang baru berdaftar, yang serius hendak memulakan latihan secepat mungkin.

Selaras dengan pindaan Subseksyen 6(1), Subseksyen 6(2) juga dipinda bertujuan untuk membolehkan seseorang majikan yang mengambil kepentingan majikan lain akan terus layak mendapat faedah majikan lama, dengan demikian latihan kepada pekerja dapat dijalankan secara berterusan dan aktiviti melatih pekerja akan dapat digalakkan.

Pindaan kepada subseksyen 6(3) adalah pindaan berbangkit yang menjadi perlu dengan adanya seksyen baru 3B yang memberi kuasa kepada majlis mengenakan faedah ke atas pembayaran levi yang tertunggak. Dengan pindaan subseksyen berkenaan hanya majikan yang telah membayar kesemua levi yang tertunggak serta faedah yang dikenakan layak menerima bantuan latihan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 6 adalah pindaan berbangkit untuk meminda subseksyen 9(1)(a) akta ibu lanjutan kemasukan seksyen baru 3A. Seperti yang dijelaskan tadi, Seksyen 3A memperluaskan Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia meliputi pengusaha-pengusaha kecil sektor perkilangan yang mempunyai pekerja antara 10-49 orang dan dengan modal berbayar kurang daripada RM2.5 juta diberi pilihan untuk berdaftar dengan majlis.

Pindaan kepada Seksyen 9(1)(a) bertujuan membolehkan pungutan levi kepada golongan majikan berkenaan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia selain pungutan daripada mereka yang digolongkan di bawah Seksyen 3.

Cadangan pindaan terakhir seperti di Fasal 7 adalah untuk meminda Seksyen 15 akta ibu bagi menambah bilangan anggota Majlis Pembangunan Sumber Manusia daripada 12 orang kepada 14 orang. Adalah dicadangkan ahli-ahli majlis yang terdiri dari wakil-wakil majikan

ditambah dari 8 orang kepada 10 orang; tambahan 2 orang lagi ahli majlis di kalangan wakil-wakil majikan adalah disebabkan Skim Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia telah diperluaskan meliputi majikan sektor perkhidmatan.

Pada masa 6 orang wakil sektor perkilangan dan 2 orang wakil sektor perkhidmatan menjadi ahli majlis. Demi untuk menjaga dan memelihara kepentingan majikan sektor perkhidmatan serta menseimbangkan lagi representasi dalam majlis, maka cadangan pindaan ini dibuat. Cadangan-cadangan pindaan tersebut akan memberi peluang kepada majikan-majikan sektor kecil perkilangan menyertai Skim Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia. Adalah juga diharap dengan penyertaan mereka di dalam Skim Kumpulan Wang tersebut, tenaga pekerja negara akan dipertingkatkan kemahirannya bersesuaian dengan penggunaan teknologi semasa. Dengan pindaan ini juga bukan sahaja penggunaan Skim Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia dapat diliberalisasikan, malah pelaksanaan skim tersebut akan dapat memantapkan lagi, bagi mempergiatkan usaha-usaha melatih semula pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pembangunan Sumber Manusia 1995 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Parit Sulong.

3.59 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong): Tuan Yang di-Pertua, dalam saya menyokong Rang Undang-undang ini, saya ingin bertanya setakat ini bagaimanakah mekanisme kerajaan untuk monitor atau mengesan aktiviti-aktiviti latihan semula pekerja-pekerja di sektor swasta.

Daripada statistik yang kami perolehi daripada Kementerian Sumber Manusia kami dapati bahawa sektor-sektor 'sunset industries' seperti sektor manufacturing yang kecil-kecil sahaja yang banyak menikmati Skim Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia.

Oleh itu, saya rasa kerajaan perlu membuat satu rethinking atau pemikiran semula, untuk memastikan sektor apakah yang hendak galakkan untuk melatih semula pekerja-pekerjanya. Pada pandangan saya, sektor perindustrian elektronik dan yang berkaitan dengan teknologi maklumat. Kita suka atau tidak suka, era ekonomi digital telah mula masuk ke negara kita. Hakikat ini adalah masa depan yang tidak boleh kita nafikan. Apabila sesuatu negara telah bertukar kepada ekonomi digital, seluruh struktur perindustrian, struktur masyarakat dan struktur pekerjaan akan berubah.

Dalam sektor perkilangan, jumlah pekerja yang paling besar sekarang ini adalah di sektor elektronik. Oleh itu, adakah kerajaan mahu memberi satu garis panduan kepada majikan-majikan di bidang elektronik supaya mereka mengadakan skim latihan semula pekerja-pekerja secara serius dan secara ikhlas supaya apabila ekonomi digital dan teknologi maklumat yang akan menguasai seluruh aspek kehidupan masuk ke dalam negara kita secara aktif, tidak akan wujud golongan pekerja yang akan kehilangan kemahiran. Kita tidak mahu akan wujud satu golongan warganegara Malaysia yang

menjadi terpinggir oleh perubahan. Ini penting kerana sebilangan besar pekerja-pekerja di industri elektronik hari ini adalah pekerja yang separuh mahir. Mereka adalah dari kampung-kampung yang menjadi sebahagian besar sumber daripada kuasa politik yang mendukung kekuasaan kerajaan.

Oleh itu, saya mencadangkan supaya pihak Kementerian Sumber Manusia membekalkan satu garis panduan yang jelas. Sektor apakah yang akan digalakkan untuk menerima bantuan daripada tabung pembangunan tenaga manusia ini? Kita harus menjelaskan sejelas-jelasnya. Contohnya, kita harus meminta pengusaha dalam industri elektronik, supaya membekalkan kemahiran yang sejajar dengan pendidikan pekerjanya di bidang komputer. Ini perlu kerana ilmu komputer adalah salah satu asas utama di dalam industri teknologi maklumat.

Pada waktu yang sama, sektor ini juga harus dikenal pasti supaya mempelbagaikan kemahiran ataupun mengalihkan kemahiran pekerja mereka supaya relevant dengan bidang communication dan lain-lainnya. Ini sesuai kerana apabila kita bercakap mengenai teknologi maklumat, kita bercakap mengenai 'interactive multimedia'. Ini jadi lebih penting apabila kerajaan telah mengumumkan kawasan daripada KLCC hingga KLIA sebagai Multimedia Super Corridor. Kerajaan menggalakkan lebih kurang 12 industri yang berkaitan dengan teknologi maklumat supaya menempatkan diri masing-masing di kawasan koridor ini dengan harapan industri-industri ini akan menjadi penggalak kepada perkembangan industri teknologi maklumat di negara kita.

Yang keduanya, saya minta kerajaan memberitahu Dewan ini, selama ini bagaimanakah kerajaan mengesan aktiviti latihan semula pekerja yang dilakukan oleh industri-industri yang menikmati

ataupun telah menerima geran daripada Tabung Pembangunan Sumber Manusia. Kita tahu bahawa pihak industri memang terpaksa mengemukakan module training, sistem dan kurikulum untuk retraining. Tetapi, berapa seriuskah industri-industri tersebut melaksanakan proses latihan semula ini? Saya harap pihak kementerian akan melihat perkara ini secara serius.

Menurut kenyataan yang diberikan oleh Tan Sri Ketua Setiausaha Negara (KSN) baru-baru ini, tenaga kerja Malaysia akan menjadi berlipat ganda kepada berjuta-juta jumlahnya menjelang tahun 2000. Pekerja yang bagaimanakah mereka ini? Adakah sistem pendidikan negara kita sekarang menitikberatkan keperluan tenaga kerja baru yang diperlukan oleh industri akan datang kelak? Jadi, kerajaan juga harus mengadakan satu penyelarasan. Memang mungkin sekarang sudah ada. Iaitu di antara kementerian-kementerian yang membabitkan masalah pembangunan generasi seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Sumber Manusia. Ketiga-tiga kementerian ini mesti ada satu badan penyelarasan, di mana soal-soal perancangan sumber manusia boleh dirancang secara awal dan proaktif supaya memenuhi kehendak pasaran kerja di masa akan datang.

Negara-negara maju hari ini menghadapi satu masalah kerana setiap 10 jenis pekerjaan yang dicipta di negara berkenaan, contohnya Amerika Syarikat, 80% adalah pekerjaan yang berorientasikan teknologi maklumat. Oleh itu, sekiranya kita mahu mengambil peluang daripada kehadiran Multimedia Super Corridor di negara kita, dengan harapan untuk mewujudkan lagi kawasan-kawasan 'regional advantage' di bidang teknologi maklumat di selatan, utara ataupun timur, kita harus memikirkan bagaimanakah Malaysia mahu menyediakan diri dengan sumber manusia yang terlatih, khususnya dengan majoriti

yang besar dalam bidang teknologi maklumat.

Jangan kita keliru bahawa apabila kita membicarakan masalah information technology, kita hanya membicarakan masalah komputer sahaja. Saya melihat satu obsession daripada pihak pembangkang, khususnya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Saya nampak sekarang ini ada new obsession di kalangan mereka ataupun pada dirinya, iaitu asyik mempersoalkan masalah komputer sahaja. Teknologi maklumat bukan komputer sahaja. Teknologi maklumat adalah berkait dengan maklumat. Komputer adalah satu daripada alat ke arah itu. Maka, di sini relevannya Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Belia dan Sukan. Mereka harus duduk sama-sama membincangkan apakah kurikulum pendidikan yang harus disesuaikan dengan teknologi maklumat dan industri tinggi. Teknologi maklumat membabitkan kreativiti. Tetapi, selama ini terdapat bidang-bidang kreatif yang dikesampingkan, kerana mungkin didapati ini tidak selaras dengan teknologi tinggi. Kreativiti yang dimaksudkan termasuklah kewartawanan dan seni penggambaran filem. Perfileman akan menjadi satu bahan utama kepada interactive multimedia.

Ketiga-tiga kementerian ini harus mengkaji kursus jurnalisisme baru yang merangkumi penerbitan secara elektronik. Ini penting kerana Putrajaya kelak akan mempunyai kawasan neighbourhood yang intelligent dan mempunyai pusat-pusat yang menjadi pusat pengagihan maklumat secara elektronik ke rumah-rumah di kawasan neighbourhood yang intelligent tadi. Adakah kita pernah memikirkan siapa yang akan mengendalikan kerja-kerja ini?

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, di dalam kita menyediakan sumber manusia, untuk bekerja dengan industri di dalam negara ini, pernahkah kita terfikir

mengenai soal networked-intelligence? Perkara ini saya sebut di dalam perbincangan Menjunjung Kasih kepada Yang di-Pertua Agong baru-baru ini. Networked-intelligence bermakna cendekiawan barangkali. Contohnya pekerja yang berada di Ireland sekarang ini boleh bekerja dengan satu pusat insurans di Chicago. Sementara pekerja di Chicago tidur, pekerja yang di Ireland boleh memproses permohonan-permohonan insurans yang di pohon di Chicago. Besok paginya syarikat insurans di Chicago itu boleh meluluskan permohonan-permohonan tersebut. Ini adalah contoh kepada apa yang dikatakan networked-intelligence.

Jadi, kita perlu melihat perkembangan ini dengan serius. Bagaimanakah Malaysia mahu menyediakan sumber manusia yang boleh digunakan oleh industri-industri yang selaras di luar negara tanpa mereka berubah secara fizikal dari mana sekali pun di negara ini.

Kerajaan harus merancang, bagaimanakah satu industri di Pulau Pinang kelak, oleh kerana kekurangan tenaga manusia, oleh kerana kesukaran mobiliti manusia, pergerakan manusia, bagaimanakah industri di Pulau Pinang mahu menyediakan pusat pekerjaan di Johor Bahru contohnya, melalui satu pusat di mana orang Johor Bahru hanya bekerja menerusi interactive multimedia.

Perkara ini adalah perkara masa akan datang tetapi perkara ini telah berlaku di negara lain. Kerajaan perlu mengkajinya supaya industri besar-besar, multinational yang kekurangan tenaga mahir di zaman teknologi maklumat ini tidak akan menggunakan tenaga manusia di luar negara menerusi sistem networked-intelligence di masa akan datang.

Jadi, pihak kerajaan harus memikirkan perkara ini secara serius. Saya harap diadakan satu coordination di antara semua kementerian. Kerajaan perlu terdorong

untuk membuat satu pemikiran semula terhadap seluruh strategi perancangan sumber dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, saya menyokong dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Balik Pulau.

4.03 ptg.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan meminda Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada kita mengarah kepada pembangunan ekonomi di masa depan yang mana ianya terpaksa melibatkan satu perubahan struktur dalam ekonomi negara, perkara yang paling penting yang patut diberi perhatian ialah kepada soal pembangunan sumber manusia, seperti yang dikatakan oleh rakan saya dari Parit Sulong.

Kerajaan saya kira, telah mengambil kira hal ini tentang kepentingan perkara ini dengan menubuhkan sebuah kementerian yang khusus melihat kepada soal perancangan pembangunan manusia dan akta yang hendak kita pinda hari ini adalah secara langsung berkait dengan soal ini.

Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada kementerian dan mencadangkan pindaan-pindaan kepada Akta Pembangunan Sumber Manusia untuk meliberalisekan dan juga memperluaskan dan mempermudah penggunaan skim kumpulan wang pembangunan sumber manusia.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat tidak, kita kena memberi perhatian yang cukup tinggi kepada soal latihan semula dan

juga peningkatan kemahiran di kalangan pekerja-pekerja yang ada di pasaran buruh sekarang. Satu daripadanya, kita harus menerima sebagai satu hakikat bahawa teknologi pengeluaran hari ini adalah berada pada satu tahap yang begitu dinamik yang berubah-ubah dengan cepat khususnya dalam sektor perkilangan dan ianya memerlukan latihan semula dan juga peningkatan kemahiran usaha itu secara berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk sektor perkilangan seperti yang disebutkan tadi, yang mana saya kira difikirkan penggunaan skim ini adalah wajar. Saya ingin menimbulkan beberapa pandangan saya tentang kedudukan sektor perkilangan.

Saya rasakan bahawa sebahagian besar syarikat yang membentuk sektor perkilangan di negara kita ini adalah multinational. Kita telah mula menghampiri dan menggalakkan multinational masuk ke Malaysia daripada tahun 1974 sehingga sekarang. Corak pelaburannya sudah agak berubah tetapi kita rasakan dari segi tahap penggunaan jenis buruh yang diguna oleh kesemua multinational di sini yang secara agregatnya lebih kurang mendefinisikan sektor perindustrian di negara kita ini saya rasa tidaklah begitu banyak berubah.

Tuan Yang di-Pertua, saya kawatir soal sama ada negara dapat mewujudkan multinational dan juga syarikat-syarikat tempatan yang boleh terlibat secara besar dalam sektor perindustrian adalah soal lain. Tetapi, saya kawatir oleh sebab jika negara-negara seperti negara China dan juga Russia dapat menyelesaikan masalah politik dalam negeri mereka dan apabila kedua negara yang begitu besar ini, yang mempunyai tenaga buruh yang sangat besar, apabila mereka dapat mencapai satu kestabilan politik dan membuka peluang untuk syarikat-syarikat multinational ini untuk melabur di negara-

negara mereka, saya berkeyakinan bahawa sebilangan besar syarikat-syarikat multinational yang ada di rantau Asia Pasifik di Malaysia khususnya, di Thailand, di Filipina yang mana memikirkan apabila membuat perhitungan adalah lebih baik untuk pindah ke China ataupun ke Russia, mereka akan berpindah ke sana. Kita harus ingat bahawa kedua negara ini adalah negara yang begitu besar dan secara perbandingannya tahap pembangunan manusia dari segi human capital, labour developmentnya, kedua-dua negara ini Negeri China dan Russia adalah berada pada satu tahap yang lebih tinggi daripada Malaysia tetapi mungkin mempunyai kos upah yang lebih rendah daripada Malaysia. Itu adalah satu cabaran yang terpaksa dihadapi oleh sektor peindustrian perkilangan di Malaysia di masa yang akan datang.

Oleh sebab itu, soal latihan semula, soal peningkatan kemahiran adalah merupakan satu soal yang penting. Saya juga agak bersetuju dengan rakan saya dari Parit Sulong bahawa walaupun dengan adanya akta ini, ada kementerian, mungkin ini kelemahan tafsiran saya, tetapi saya masih lagi tidak berapa jelas tentang apakah master plan pembangunan sumber manusia yang akan dilaksanakan di masa depan.

Dalam kawasan saya terdapat sebuah zon perindustrian, saya ingat di antara yang terbesar dalam negara di zon perindustrian Bayan Lepas. 40,000 orang pekerja mungkin sebilangan besar daripada orang ini daripada pekerja-pekerja di dalam zon perindustrian ini adalah merupakan mereka yang sebenarnya bukan hendak kata separa mahir, very marginal punya tahap kemahiran mereka. Sebilangan mereka sebenarnya, functionally literate sahaja, dengan izin, tidak mempunyai kemahiran yang khusus, cuma digunakan dengan begitu ramai untuk melakukan kerja-kerja yang routine. Walaupun mereka menggunakan mesin-

mesin dan berdepan dengan teknologi-teknologi pengeluaran yang begitu canggih, tetapi pada dasarnya mereka tidak mempunyai satu kemahiran yang khusus yang mana boleh dijadikan mereka sebagai satu asas untuk mereka meningkatkan lagi kemahiran itu, jika berlaku satu perubahan struktur dalam ekonomi negara ataupun jika berlakunya perpindahan syarikat-syarikat multinational yang saya maksudkan tadi.

Saya melihat kepada mereka ini dengan keadaan yang bimbang, di antara sebab yang saya terlibat dalam politik pun adalah saya terdorong daripada begitu ramai golongan mereka di luar bandar, di kalangan wanita khususnya, yang seakan-akan digunakan untuk proses pengeluaran pada tahap kemahiran yang rendah, tidak mempunyai potensi untuk menembusi kepada mobiliti dalam pekerjaan mereka untuk meningkat dan pada masa yang sama, kehadiran mereka dalam kawasan menimbulkan masalah dalam institusi sosial setempat dan pada secara mutlak mereka dibayar gaji yang agak baik, tetapi pada secara relatifnya gaji yang dibayar kepada mereka adalah sebenarnya kurang tinggi dan tidak mempunyai suatu kuasa beli yang membolehkan mereka duduk di kawasan, misalnya di Bayan Lepas itu sendiri.

Ini adalah satu fenomena yang begitu membimbangkan - kita membangunkan satu kawasan perindustri, perkilangan yang menggunakan tenaga manusia yang tinggi, pada tahap yang tidak berapa mahir, walaupun kita dapat menjanakan pertumbuhan ekonomi, tetapi sebilangan besar daripada mereka yang terlibat dalam sektor ini tidak mempunyai kuasa beli untuk membenarkan mereka tinggal di kawasan di mana mereka bekerja. Jadi, sekali lagi ini menimbulkan masalah dari segi apa yang kita hendak buat untuk menyelesaikan masalah ini dan juga masalah untuk berdepan dengan potensi perpindahan multinasional.

Jadi, sehingga sekarang saya secara ikhlas tidak nampak lagi dengan jelas apakah dia coordination (penyelarasan) di antara usaha kita untuk memanggil pelabur untuk melabur sebegini rupa dan usaha kita untuk merancang pembangunan sumber manusia dengan Kementerian Pendidikan dan usaha kita untuk bersiap sedia untuk berhadapan dengan perubahan struktur di dalam ekonomi negara dan juga perubahan struktur yang akan berlaku dalam sektor perkilangan itu sendiri.

Jadi, saya mohon penjelasan daripada Kementerian Sumber Manusia tentang perkara-perkara ini. Satu perkara lain yang ingin saya dapatkan penjelasan ialah apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi membentangkan Rang Undang-undang ini, selain daripada sektor perkilangan, dikatakan juga skim ini melibatkan sektor perkhidmatan dan disenaraikan beberapa industri dalam sektor perkhidmatan, hotel dan sebagainya - kalau tidak salah saya, saya terdengar industri perkhidmatan, kewangan, insurans, pembrokeran dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menimbulkan satu persoalan di sini. Saya merasakan industri-industri yang dicadangkan dalam sektor perkhidmatan tadi merupakan industri yang penting dan saya mengalu-alukan rangkuman mereka di dalam akta ini, tetapi saya ingin penjelasan tentang perkhidmatan kewangan, insuran, pembrokeran dan sebagainya, sebab saya merasakan satu ciri sebuah ekonomi yang semakin matang ialah sebenarnya sektor yang paling besar dari segi guna tenaga kerja adalah akan datang daripada sektor perkhidmatan dan bukannya sektor perkilangan. Mungkin sektor perkilangan dan pembuatan yang kedua terbesar. Dalam sektor perkhidmatan, antara sektor yang penting yang kita rasakan dari segi pembangunan sumber manusia ini ialah sektor-sektor industri yang saya sebutkan tadi iaitu industri kewangan, perbankan, insuran, pembrokeran dan sebagainya.

Kita juga sedar bahawa menerusi WTO dan proses meliberalisasikan perkhidmatan-perkhidmatan kewangan kita terpaksa membuka negara kepada persaingan luar dalam industri-industri yang sebegini - pembrokeran, insurans, berjenis-jenis financial services dan sebagainya. Jadi, saya rasa demi untuk menjamin tahap persaingan syarikat-syarikat tempatan lebih bersaing dengan syarikat-syarikat luar yang pada masa depan akan mempunyai kesempatan untuk menempatkan operasi mereka di sini, masalah pembangunan sumber manusia dalam industri-industri ini adalah sangat-sangat penting. Lagi pula, kalau kita tengok misalnya perwakilan ataupun peratusan golongan bumiputera misalnya, yang terlibat dalam industri-industri yang saya sebut tadi, sebenarnya adalah berada pada satu tahap yang rendah. Saya teringat semasa hari Isnin, misalnya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa menjawab satu soalan mengatakan agen dalam KLSE dan juga dalam KLOFFE berada pada tahap 30% lebih sedikit, 14% penyertaan bumiputera dalam sektor tersebut. Itu menunjukkan bahawa dalam keadaan tertutup sekarang pun ianya berada pada tahap yang agak sedih, jadi, kalau bila berdepan dengan kemasukan persaingan daripada luar, ianya akan menjadi lebih ketara kelemahannya. Jadi, di sini saya ingin memohon, mungkin ada mekanisme lain yang telah difikirkan untuk melatih dan untuk membangunkan tenaga manusia dalam industri-industri yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa persoalan sahaja, pertamanya saya ingin maklumat dari segi jumlah majikan yang terangkum dalam akta ini, apakah peratusan yang membayar levi-levi yang sepatutnya dibayar dan dari segi bilangan majikan, berapa ramai pekerja majikan yang terlibat ini terkeluar dari skim latihan ini. Saya juga ingin penjelasan tentang bagaimanakah setakat ini - sudah 3 tahun lebih pelaksanaan akta ini, dari segi

penggunaan dana yang ada dalam skim ini, dia punya program dari segi usage of fund dalam ini. Dan seperti juga yang dibangkitkan oleh Ahli dari Parit Sulong saya juga mohon penjelasan dari segi mekanisme pelaksanaan akta ini - dari segi penguatkuasaan, penyeliaan dan soal-soal seperti.

Saya juga difahamkan bahawa majikan boleh membuat latihan dalaman dan juga boleh membuat pusat-pusat latihan yang ditadbir oleh industri sendiri, cara latihan ataupun peningkatan kemahiran yang boleh dilakukan. Soal latihan dalaman, soal penyeliaan dan kualiti control, itu telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong. Saya ingin bertanya dari segi pusat-pusat latihan yang ditadbir dan diwujudkan oleh industri, ada berapakah yang sebenarnya pusat-pusat latihan yang sebegini rupa, pusat-pusat latihan yang ditadbir dan diuruskan sendiri oleh industri. Saya tahu misalnya di Pulau Pinang kita PSDC - satu yang ditadbirkan oleh industri, tetapi kita ingin sedikit latar belakang tentang ada berapa sebenarnya pusat-pusat latihan khusus yang dibangunkan dan dijalankan oleh industri dan lebih kurang gambaran kasar dari segi peratusan pekerja yang terlibat yang dilatih oleh industri melalui pusat-pusat latihan yang tersebut. Khusus untuk PSDC misalnya, saya ingin sedikit maklumat tentang apakah sebenarnya progress yang dicapai oleh PSDC misalnya - Penang Skill Development Centre. Berapa banyak sebenarnya pekerja-pekerja yang ada separa kemahiran telah di upgradakan kepada yang ada kemahiran, maknanya berapa berjayakah pusat latihan ini untuk mengupgrade pekerja-pekerja yang berkerja di kawasan perindustrian Bayan Lepas. Adakah kita berpuas hati dengan program dan juga tahap upward mobility yang dapat dicetuskan oleh pusat-pusat latihan ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang akhir yang hendak saya timbulkan di sini

ialah kita bercakap tentang akta ini adalah merangkumi mereka yang bermajikan, maknanya mereka adalah pekerja. Ini melibatkan majikan, jadi latihan ini merujuk kepada orang yang ada majikan ataupun yang ada kerja. Saya ingin, sebagai makluman umum, tetapi bersangkutan dengan pembangunan sumber manusia khususnya, mendapat satu penjelasan dari segi apakah pula program perancangan pembangunan sumber manusia terhadap mereka yang di luar daripada ada majikan, yakni orang yang tidak bekerja, tetapi khususnya saya ingin penjelasan iaitu tentang strategi sebenarnya yang hendak kita laksanakan untuk meningkatkan kemahiran dan mereka yang lepasan sekolah (post-secondary).

Kita tahu mungkin ini juga angka yang saya hendak daripada kementerian. Berapa peratuskah sebenarnya orang yang tinggalkan sekolah, sekolah menengah, sama ada SPM ataupun STPM yang berkesempatan mendapat apa juga jenis latihan langsung selepas sekolah? Kita rasakan bahawa sebilangan besar daripada mereka yang meninggalkan bangku sekolah telah memasuki terus kepada pasaran buruh dengan berbekalkan tahap kemahiran yang ada pada mereka sahaja. Oleh sebab keadaan ekonomi baik, jadi mereka berkesempatan mendapat pekerjaan. Itu kita menghadapi masalah sebab mereka tidak mendapat pekerjaan pada satu tahap pendapatan yang tidak punya kuasa membeli yang cukup untuk mereka bersaing dengan orang lain yang ada kuasa beli yang cukup baik.

Tetapi saya ingin penjelasan dari segi peratusan pelajar yang keluar daripada sistem persekolahan yang mendapat apa juga jenis latihan post secondary training dan apakah strategi kementerian dalam usaha untuk membangunkan sumber manusia ini supaya memaksimumkan bilangan mereka yang keluar daripada sistem persekolahan untuk dilatih dan ditingkatkan kemahiran atau dibekalkan

dengan apa-apa juga kemahiran yang khusus sebelum mereka pergi kepada pasaran buruh kerana kalau kita fikirkan, kalau kita selesaikan masalah itu sebelum ia masuk dalam pasaran buruh mudah sedikit kerja kita untuk meningkatkan kemahiran dia apabila kita hendak guna akta ini untuk melatih semula dan meningkatkan kemahiran semasa dia sudah menjadi pekerja.

Jadi, itulah beberapa pendapat saya dan persoalan yang saya ingin kemukakan dan dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Gelang Patah.

4.23 ptg.

Tuan Chang See Ten (Gelang Patah): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang untuk saya membahas pindaan Akta Pembangunan Sumber Manusia Tahun 1992 (Akta 491).

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama dalam Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992 (Akta 491) ialah untuk menggalakkan latihan pekerja-pekerja dan seterusnya mewujudkan Majlis Pembangunan Sumber Manusia.

Oleh kerana terdapat beberapa kelemahan di dalam akta ini, maka pindaan-pindaan terhadap akta ini perlu dibuat seperti terkandung dalam Rang Undang-undang Akta Pembangunan Sumber Manusia (Pindaan) 1995 yang dibentangkan hari ini.

Saya ingin mengambil peluang keemasan ini dalam Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan Barisan Nasional kerana berusaha dalam membangunkan sumber manusia. Pihak Kerajaan Barisan Nasional sangat peka tentang latihan pekerja-pekerja

demi kepentingan para pekerja khususnya dan pembangunan ekonomi negara amnya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memberikan peluang yang lebih luas kepada para pekerja dalam semua bidang perindustrian supaya dapat menyertai dalam latihan, maka pindaan seksyen 2 akta ini sangat penting supaya takrif kontrak perantisan dipinda daripada tempoh perantisan yang ditetapkan tidak kurang daripada satu tahun kepada suatu tempoh perantisan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah. Pindaan ini adalah perlu kerana terdapat beberapa bidang perindustrian seperti pelancongan di mana tempoh kontrak perantisan adalah kurang daripada satu tahun.

Tuan Yang di-Pertua, dalam seksyen 3(1) akta ini yang asal, yang mana semua majikan dikenakan suatu levi pembangunan sumber manusia berkenaan dengan setiap pekerjanya pada kadar 1% daripada upah bulanan pekerja telah menyebabkan beban kewangan kepada para majikan yang kurang upaya. Oleh yang demikian, dengan pindaan akta ini, dengan memasukkan seksyen baru 3A yang memberikan majikan dalam industri perkilangan yang mempunyai 10 tetapi tidak lebih daripada 49 pekerja dan dengan modal berbayar kurang daripada RM2 juta dan RM500,000, pilihan untuk mendaftar dengan Majlis Pembangunan Sumber Manusia dan menyumbang levi pembangunan sumber manusia pada kadar 0.5% daripada upah pekerja tersebut dalam mana-mana bulan. Pindaan ini akan dapat mengurangkan beban kewangan majikan dan akan dapat mempertingkatkan penglibatan para majikan dalam pembangunan sumber manusia.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan pindaan akta ini dengan memasukkan suatu seksyen baru 3B yang memperuntukkan bagi pengenaan faedah atas majikan yang gagal membayar levi yang kena dibayar daripada mereka dalam

tempoh yang ditetapkan adalah wajar dan tepat dengan maksudnya supaya para majikan benar-benar melibatkan dalam usaha pembangunan sumber manusia. Demi kepentingan pekerja, para majikan perlu ambil berat terhadap kewajipan tanggungjawab sosial ini serta tanggungjawab mereka terhadap kepentingan latihan bagi pekerja-pekerja mereka dengan menunaikan tanggungjawab ini para majikan akan dapat menikmati faedah-faedah melalui pembangunan sumber manusia.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini pihak kerajaan Barisan Nasional sangat peka dan sedar tentang kepentingan latihan para pekerja. Justeru itu satu pindaan akta ini yang mana subseksyen 6(1) akan dipinda untuk membolehkan seseorang majikan yang telah membayar levi setelah didaftarkan menjadi layak secara serta merta untuk mendapatkan bantuan kewangan atau faedah lain di bawah akta ini tanpa perlu menunggu suatu tempoh lanjutan selama 5 bulan sebelum ia menjadi layak. Pindaan ini pasti akan memudahkan urusan para majikan untuk mendapatkan bantuan kewangan dalam usaha mereka dalam pembangunan sumber manusia.

Tuan Yang di-Pertua, penglibatan para majikan dalam pembangunan sumber manusia adalah sangat penting dan peranan mereka sangat diutamakan oleh pihak Kerajaan Barisan Nasional. Oleh yang demikian, seksyen 15 akta ini dipinda untuk menambahkan bilangan anggota Majlis Pembangunan Sumber Manusia daripada 12 kepada 14 orang dengan pertambahan berbangkit daripada 8 kepada 10 wakil majikan dalam Majlis Pembangunan Sumber Manusia.

Pindaan ini akan dapat memberikan peranan yang lebih aktif oleh para majikan dalam pembangunan sumber manusia.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya, segala pindaan yang

terkandung dalam Rang Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia (Pindaan) 1995 ini amat penting dan mengikut kehendak semasa dalam usaha pembangunan sumber manusia oleh pihak kerajaan dan pihak majikan.

Seperti kita sedia maklum bahawa sektor perkilangan di negara kita masih menghadapi masalah kekurangan tenaga manusia yang mahir dan berteknologi tinggi. Langkah-langkah yang lebih berkesan perlu diambil oleh pihak kerajaan dan pihak majikan dalam usaha menambahkan bekalan sumber manusia yang mahir dan berteknologi tinggi.

Pada masa sekarang, sumber manusia yang sedia ada di negara kita terdiri daripada 60% buruh biasa, 37% tenaga manusia yang separuh mahir atau mahir dan 3% tenaga manusia yang profesional. Untuk menjadi sebuah negara yang maju, negara kita perlu mengadakan sumber manusia yang mahir dan profesional sekurang-kurangnya 30%, tenaga kerja yang separuh mahir 40% dan buruh biasa 30%. Kita perlu mencapai matlamat ini dalam tempoh 25 tahun supaya dapat menjadi negara yang maju dalam tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, untuk pengusaha-pengusaha perindustrian yang menceburi dalam bidang perindustrian yang menggunakan jentera-jentera high-tech, mereka sangat memerlukan tenaga manusia yang mahir dalam kejuruteraan dan teknologi tinggi. Sebelum negara kita mempunyai cukup sumber manusia yang mahir dan berteknologi tinggi, adalah penting pihak kerajaan memudahkan urusan pengambilan sumber manusia yang mahir dari negara asing seperti jurutera-jurutera supaya industri-industri high-tech dapat dilanjutkan dan diperkembangkan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, pihak kerajaan perlu berusaha lebih

gigih untuk menarik warganegara Malaysia seperti pakar sains, jurutera dan lain-lain sumber manusia yang mahir dan berteknologi tinggi supaya kembali berkhidmat di negara kita. Mereka perlu diberikan insentif yang tinggi. Selain daripada usaha kerajaan, pihak institut swasta, majikan dan persatuan-persatuan pengilang perlu memainkan peranan yang proaktif dalam segala usaha pembangunan sumber manusia.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, kita perlu sedar bahawa pada masa sekarang, kita sepatutnya sudah dapat menjangka bahawa kegiatan perindustrian sedang bertukar daripada yang berasaskan tenaga manusia yang banyak kepada jenis intensive machine atau jentera. Lantaran itu, peluang pekerjaan sebagai pekerja kilang yang terlibat secara langsung dalam proses pengeluaran tentu akan berkurangan sejajar dengan trend yang sedang wujud dalam sektor perusahaan yang saya sebutkan tadi.

Sebaliknya, permintaan terhadap pekerja berkemahiran teknikal untuk menyelenggara dan memperbaiki mesin dan jentera pengeluaran pula pasti meningkat. Demi kepentingan semua dan sebagai kerajaan yang berwawasan dan berpandangan jauh, kita mempunyai tanggungjawab untuk mengatur strategi seawal yang mungkin dan bukanlah bertindak menjelang saat-saat terakhir. Oleh yang demikian, segala usaha untuk membangunkan sumber manusia oleh pihak kerajaan dan pihak swasta adalah amat penting dan sangat diharapkan demi kepentingan negara.

Dengan kata-kata demikian, saya menyokong pindaan Akta ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Cheras.

4.35 ptg.

Tuan Tan Kok Wai (Cheras): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun Rang Undang-undang yang dibentangkan pada hari ini untuk meminda Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992 dalam beberapa hal dianggap baik, tetapi kita tidak boleh berpuas hati dengan bahagian-bahagian pindaan yang dibentangkan kali ini.

Saya lebih suka jika pindaan yang dibentangkan ini lebih menyeluruh dan menyangkut berbagai aspek dalam pembangunan sumber manusia kerana untuk menghadapi millennium baru abad ke-21, pembangunan dan kemajuan negara dalam bidang ekonomi akan banyak bergantung kepada sejauh mana kita pada hari ini telah menyediakan sumber manusia yang serba berkepakaran dan berkemahiran bagi membangunkan negara kita.

Secara sepintas lalu, setelah menyemak pindaan ini, saya mendapati pindaan yang disentuh ialah:

- (a) tempoh perantisan yang tidak kurang daripada satu tahun digantikan dengan tempoh yang diluluskan oleh Ketua Pengarah; dan
- (b) bagi kilang industri yang dikenakan levi berasaskan bilangan pekerja dari 10 ke-49 orang, modal berbayar kurang dari RM2.5 juta dan levi yang dikenakan sebanyak 0.5% dari gaji pekerja.

Dalam fasal 2, Rang Undang-undang bertujuan untuk meminda tempoh perantisan yang mana selama ini tempoh perantisan kurang satu tahun tidak berpeluang mengikuti latihan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan supaya tempoh itu ditetapkan dan diluluskan oleh Ketua Pengarah, maka

ini memberi peluang kepada mereka yang berada di dalam skim perantisan di bawah tempoh satu tahun berada di dalam skop akta ini. Ini tidak memberi makna apa-apa jika akta masih menghadkan kelayakan industri yang boleh berdaftar dengan Majlis Pembangunan Sumber Manusia iaitu mempunyai bilangan pekerja tidak kurang 10 orang dan tidak lebih 49 orang dengan modal berbayar kurang daripada RM2.5 juta dan dikenakan levi 0.5% daripada upah pekerja.

Bagi industri yang mempunyai pekerja kurang daripada 10 orang, ia tidak berpeluang menikmati kemudahan ini. Oleh itu, sepatutnya skop ini diperluaskan supaya meliputi industri atau kilang kecil dan dapatlah para pekerja mereka diberi latihan kemahiran. Bagi mereka yang inginkan latihan kemahiran, mereka terpaksa berpindah kerja dan memasuki kilang yang lebih ramai pekerja. Jika tidak, bagi industri kecil, mereka tidak berpeluang untuk melatih para pekerja mereka.

Saya tidak bersetuju dengan kemasukan seksyen baru 3B yang memperuntukkan pengenaan faedah atas majikan yang gagal membayar levi sebanyak 10%. Kadar faedah ini tidaklah patut ditetapkan secara mandatori, tetapi diberi kelonggaran bergantung kepada masa dan keadaan pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya percaya dengan penubuhan Majlis Pembangunan Sumber Manusia sudah menampakkan kemajuan dalam peningkatan latihan kemahiran untuk para pekerja, tetapi kita tidak boleh berpuas hati kerana masih banyak lagi bidang perniagaan dan industri yang tidak diliputi oleh akta ini.

Misalnya, bidang perdagangan, perniagaan dan peruncitan serta pemborongan, termasuk pengedaran dan

penjualan yang mana sesebuah syarikat itu mempunyai ramai pekerja untuk bergerak, sama ada pekerja mereka sudah dilatih, terlatih atau belum, mahu tidak mahu, mereka terpaksa diletakkan dan diberi tugas untuk melakukan operasi.

Jika kita meninjau pusat membeli-belah, gedung-gedung perniagaan, pasar raya dan berbagai lagi, kita mendapati para jurujual mereka berlaku kasar dan tidak berkebolehan untuk mengutip jualan. Oleh itu, adalah penting latihan sumber manusia di bidang industri ini meliputi berbagai kegiatan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menamatkan ucapan saya, saya ingin menimbulkan beberapa persoalan. Yang pertama, sudah berapa ramaikah pekerja mengikut industri tertentu bagi setiap tahun telah menjalani latihan-latihan di bawah Tabung Pembangunan Sumber Manusia sejak akta ini dilaksanakan?

Yang kedua, sila perjeniskan bilangan industri-industri yang terlibat dengan akta ini setakat ini dan adakah kementerian bercadang untuk meluaskan lagi ke atas industri-industri lain?

Yang ketiga, sejauh ini adakah bayaran levi Tabung Pembangunan Sumber Manusia dijelaskan oleh majikan-majikan tanpa masalah? Apakah tindakan yang diambil ke atas majikan yang telah melanggar akta ini?

Yang keempat, sila jelaskan juga skim-skim latihan yang telah ditawarkan di dalam program Tabung Pembangunan Sumber Manusia ini?

Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Bintulu.

4.42 ptg.

Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya membahaskan Rang Undang-undang ini iaitu suatu akta untuk meminda Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana kita telah bangkit sepanjang tempoh akhir tahun-tahun 90-an dan mara menuju abad ke-21, kita patut melihat semula ke dalam diri kita dan bertanya jika kita sebagai pemimpin negara, apakah kita telah memperlengkapkan rakyat kita menjadi warganegara abad ke-21? Kita melihat setiap wargatua kita, para pekerja kita, para pelajar kita baik lelaki mahupun perempuan yang menjadi bahagian terpenting dalam masyarakat kita, bagi anak muda adakah kita sudah melengkapkan diri mereka bagi menghadapi hari esok yang lebih baik ataupun menghadapi masa depan yang penuh derita, kecewa dan tersingkir.

Saya ingin mengajak Dewan yang mulia ini memandang ke Sarawak. Kita melihat saudara-saudara di Sarawak dari keturunan Dayak, Melayu, Cina, Orang Ulu dan sebagainya. Mereka yang tinggal jauh dari bandar di kawasan-kawasan terpencil di Bumi Kenyalang, orang-orang miskin di bandar, lelaki dan perempuan yang tinggal di kampung-kampung, di rumah setingan atau menyewa bilik di kawasan-kawasan perumahan. Mereka semua adalah sumber manusia dan guna tenaga negara kita yang terbesar. Bagaimanakah kita boleh meraih dan membangunkan sumber manusia kita menjadi manusia yang lengkap dan sempurna di mana pada suatu hari mereka boleh bersuara bahawa saya tinggal di Malaysia yang merupakan sebuah negara yang indah dan yang memungkinan saya membangunkan diri menjadi manusia yang lengkap dan sempurna, yang mana para pemimpin akan dihormati kerana mereka mengambil

berat akan setiap rakyat yang membantu mereka menjadi manusia sebenar dan hidup bermakna sebagai rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kita wajib mencapai maksud kita yang mana jika kita tidak boleh mencapai sepenuhnya kita mesti melakukan untuk mencapai sebaik mungkin. Kita mestilah mempergiatkan pembangunan sumber manusia kita. Di Sarawak saya mendapati para pelajar, baik di sekolah rendah dan menengah menghadapi kekurangan kemudahan infrastruktur dan tenaga pengajar. Saya buat contoh seperti di SMK Baru Bintulu, mereka dalam tempoh 6 bulan sampai hari ini masih belum dapat guru untuk mengajar bahasa Mandarin dalam kelas itu. Terdapat sekolah yang sangat memerlukan wang untuk keperluan penyelenggaraan yang baik. Saya sering bertanya diri sendiri, bagaimana kita boleh menyediakan anak-anak kita dengan wawasan abad ke-21 jika kita selama ini sudah ketinggalan ke belakang dalam memberikan anak-anak kita dengan persekitaran pengajaran yang betul.

Di Sarawak, mereka yang bersusah payah berjaya menamatkan Tingkatan Lima. Bagi yang berkemampuan, mereka meneruskan pengajian di kolej-kolej di Semenanjung Malaysia, hanya beberapa orang yang berjaya memasuki UNIMAS, satu-satunya universiti di Sarawak dan selebihnya hanya memiliki pendidikan formal sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah kita boleh membangunkan sumber manusia kita di Sarawak bagi abad ke-21 jika institusi pengajian tinggi kita terlalu kurang di Malaysia Timur? Kebanyakan orang kampung, orang miskin bandar dan luar bandar tidak mampu membiayai kos pengajian tinggi di luar Sarawak yang menelan kos antara RM800 sampai RM1,000 setiap bulan bagi setiap pelajar yang mengaji di Semenanjung Malaysia.

Bagaimana sebuah keluarga dengan lima orang anak dengan pendapatan contohnya RM1,000 mampu membiayai ataupun bermimpi untuk memberikan pelajaran tinggi bagi anak-anak mereka?

Akibatnya ramai pelajar Tingkatan Lima yang tidak mampu meneruskan pengajian ke pusat-pusat pengajian tinggi terpaksa memasuki pasaran buruh tempatan dan luar negara. Oleh kerana ketidakadaan pengalaman dan masih mentah, mereka mengambil apa sahaja peluang pekerjaan yang ditemui dalam pasaran tempatan. Anak-anak lelaki remaja biasanya bekerja di kilang-kilang kecil atau menjadi pelatih bengkel-bengkel kimpalan atau menjadi pekerja pembinaan dan lain-lain. Manakala yang perempuannya menjadi pelayan atau jurujual yang memperolehi sebanyak beberapa ratus ringgit Malaysia sahaja satu bulan.

Pada amnya, kadar gaji di Sarawak adalah 30% lebih rendah berbanding dengan Semenanjung Malaysia. Mereka yang bekerja sebagai pekerja binaan, pekerja kilang, pembantu kedai, kerani, operator, pelayan, pekebun, pelatih, pemandu dan lain-lain, gaji mereka biasanya tidak melebihi RM600 sebulan. Masa bekerja sangat panjang dan bagi sesetengah orang keadaan kerja mereka sangat teruk dan dengan ini adalah mustahil bagi mereka membuat pekerjaan lain. Kebanyakan keluarga bergantung hidup hanya kepada seorang pencari nafkah dalam keluarga.

Saya mempunyai seorang kawan berketurunan Bidayuh yang bekerja sebagai budak pejabat sebuah syarikat selama lima tahun dan pendapatan bulanannya hanya RM320 sebulan. Selepas ditolak caruman KWSP dan dengan jumlah gaji tersebut beliau menyaraikan seorang isteri dan dua orang anak serta membayar ansuran bulanan bagi pinjaman motosikal. Pendapatannya

kurang dari angka perbelanjaan yang perlu ditanggungkannya. Mereka hidup ibarat kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Adalah merupakan kisah kesengsaraan para pekerja di Sarawak kerana pendapatan mereka terlalu rendah.

Sarawak sangat-sangat memerlukan lebih banyak institusi pengajian tinggi bagi membangunkan rakyat untuk menghadapi abad yang akan menjelang tidak lama lagi. Ia harus menjadi keutamaan dalam agenda kerajaan. Kita memerlukan institusi pengajian tinggi bagi setiap kawasan yang padat dan utama dengan penduduk di Sarawak. Negeri Sarawak terlalu luas. Bandar utama dihubungkan oleh lebuh raya seluruh Borneo. Pengangkutan ke kawasan-kawasan pedalaman masih bergantung pada jalan air dan jalan-jalan berbatu kerikil. Itulah sebab mengapa kita memerlukan institusi pengajian tinggi ditempatkan di seluruh negeri bagi membantu para pelajar dari pelbagai kawasan supaya mereka boleh belajar di institusi-institusi yang berdekatan dan mampu dibiayai oleh mereka. Saya tidak faham mengapa Kampus Universiti Pertanian Malaysia di Bintulu dengan kemudahan besar yang baik masih terbengkalai dan dibazirkan. Ia patut dihidupkan semula.

Tuan Yang di-Pertua, sebaliknya apa yang berlaku ialah sebilangan pelajar-pelajar Sarawak yang mampu belajar di pusat-pusat pengajian tinggi di luar negeri, disebabkan tidak gemar berkhidmat di negeri ini, maka mereka tidak bekerja atau jika mereka boleh mencari satu pekerjaan, gajinya pula terlalu rendah. Oleh sebab itu ramai tersadai dan mencari kerja di tempat lain, keadaan ini masih berlaku pada hari ini dan kebanyakan mereka yang belajar di Semenanjung terus menetap di sini selepas tamat pengajian.

Ramai pekerja bandar yang tamat pengajian di Sarawak juga memburu

pekerjaan di tempat lain, mereka bekerja di negara lain kerana mengejar gaji yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini memaksa kita perlu berhati-hati dalam membangunkan sumber manusia kita. Oleh kerana semakin ramai orang muda yang meninggalkan negara ini, maka kita menghadapi kekurangan guna tenaga yang buruk dan pilihan amat terhad bagi Sarawak. Kita juga memerlukan perancangan yang betul bagi keperluan guna tenaga di Sarawak dan juga keperluan masa depan negara kita.

Saya ingin menggesa kerajaan supaya mengambil langkah untuk menaikkan kadar upah kerja di Sarawak untuk memungkinkan perkara ini adalah perlu kementerian berkenaan menubuhkan satu pasukan petugas khas untuk melawat dan memeriksa setiap kilang, syarikat dan pekedai-pekedai untuk menemuduga majikan dan para pekerja bagi mengumpulkan maklumat sebenar mengenai keadaan guna tenaga di Sarawak dan membuat rumusan-rumusan untuk mengatasi masalah ini.

Di samping kita mengakui banyak syarikat menikmati faedah dari pertumbuhan ekonomi, maka kami juga berharap para pekerja dalam syarikat-syarikat tersebut akan juga menerima faedah yang sama. Adalah tidak wajar hanya sebelah pihak sahaja menikmati hasil kemakmuran, sedangkan para pekerja yang bertungkus-lumus tidak diberikan hak mereka untuk menikmati kemakmuran tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang amat prihatin di Sarawak ialah kebanjiran pekerja-pekerja Indonesia, mereka meninggalkan kesan ke atas nilai guna tenaga tempatan. Selama beberapa tahun ini ladang-ladang kelapa sawit di Sarawak bergantung daripada pekerja-pekerja Indonesia untuk melakukan kerja dan

kini bilangannya semakin bertambah. Pekerja-pekerja ini dibayar sekitar RM8 setiap hari dan dengan kadar upah yang begini, maka pasaran buruh dipenuhi dengan buruh bergaji murah. Penduduk Sarawak tidak sanggup dijual murah terutama dalam negara kita yang kaya seperti ini. Jadi, mereka enggan bekerja dengan gaji RM8 sehari.

Saya tidak nampak mengapa pekerja-pekerja Indonesia patut dibawa masuk dan secara tidak langsung menjadi tekanan dalam penentuan kadar upah buruh dalam sektor pekerjaan kita, sedangkan tidak ada pekerja-pekerja asing yang boleh mendapat RM15 setiap hari, iaitu kadar upah buruh di Sarawak masa kini, dengan kadar upah yang tinggi sahaja mereka boleh menyaingi ekonomi yang bergerak pantas.

Tuan Yang di-Pertua, Bintulu mempunyai guna tenaga yang sangat terlatih dan mahir seperti yang terdapat di MLNG, Sarawak Shell Bhd. (SSB) SMDS dan syarikat ABF. Ramai pekerja yang menggadaikan nyawa mereka bekerja dalam kilang-kilang gas dan bahan kimia, mereka terlatih dan berorientasikan keselamatan bagi memastikan keselamatan nyawa manusia dan kilang-kilang sebagai kumpulan khas guna tenaga, maka mereka memerlukan galakan, sokongan, bantuan, sistem gaji dan pengiktirafan bagi membolehkan mereka membuktikan diri masing-masing supaya mereka boleh menjadi guna tenaga terbaik dan boleh dibanggakan.

Saya berharap Majlis Pembangunan Sumber Manusia kita patut mengambil langkah-langkah lanjut untuk membangunkan sumber manusia kita menjadi guna tenaga yang mahir dan berorientasi keselamatan. Prasyarat dan kelayakan yang bertepatan hendaklah mengatasi mana-mana kepentingan politik dan individu. Terdapat juga perbezaan yang penting dalam kesedaran keselamatan

dan tahap kemahiran antara kontraktor yang bekerja dalam industri gas dan petroleum di Sarawak dan di luar industri tersebut terutama dalam industri pembinaan.

Di sana-sini masih kedengaran berita tentang kemalangan yang menimpa ke atas para pekerja pembinaan yang berpunca majikan kurang memberi penegasan ke dalam soal kesedaran keselamatan. Para pekerja menjadi mangsa kedegilan para majikan yang kurang memberi perhatian dalam aspek keselamatan di tempat pembinaan. Adalah diharap guna tenaga sektor ini dibangunkan supaya menjadi guna tenaga yang mahir dan berorientasi keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya berharap Kementerian Sumber Manusia boleh membangunkan sumber manusia di Sarawak dan Malaysia seluruhnya supaya setiap pekerja dari apapun kategori majikan. Akta ini patut juga meliputi para pekerja yang berkhidmat dengan majikan yang mempunyai kakitangan kurang 10 orang supaya mereka tidak tercir dari arus kemajuan dan pendedahan ilmu pengetahuan dan kemahiran. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tuan.

4.58 ptg.

Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahaskan pindaan Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang setuju bahawa pindaan ini sudah kena pada masanya memandangkan perkembangan ekonomi dan keadaan sosial kita di masa kini.

Seperti juga kawan-kawan ataupun Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, saya hanya memberi pandangan kepada beberapa isu yang berkaitan dengan pembangunan sumber manusia. Sudah semestinya bila negara kita membangun dari segi ekonomi, keperluan sumber manusia ini bukan sahaja bertambah, tetapi menjadi lebih kompleks. Justeru itulah berbagai langkah diambil oleh kerajaan patutlah dialu-alukan untuk menjamin keselamatan dan juga penyelesaian para pekerja. Ini menunjukkan kita menghargai sumbangan tenaga manusia ke arah pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan pandangan bukan sahaja Yang Berhormat dari Parit Sulong, tetapi yang paling saya terharu dan bersetuju ialah pandangan Yang Berhormat dari Balik Pulau. Kita harus berhati-hati di dalam perancangan tenaga manusia ini, oleh kerana kita di kelilingi oleh pasaran tenaga buruh yang mungkin akan menjejaskan bukan sahaja pasaran buruh, tetapi industri kita di masa akan datang. Kita harus ingat bahawa kebanyakan buruh ataupun tenaga di beberapa sektor perindustrian kita di masa ini diambil oleh pekerja-pekerja asing dan dengan izin, trend ini jika dibiarkan berterusan tidak akan mendatangkan faedah pada jangka masa panjang kepada negara kita. Dan insentif ataupun tujuan pemindaan akta ini memanglah baik, tetapi ingin saya membuat saranan di sini supaya pihak kementerian memastikan bahawa hanya majikan-majikan yang mengambil pekerja ataupun tenaga buruh tempatan sahaja yang akan mendapat manfaat nanti. Janganlah pula kita seolah-olah menggalakkan para majikan untuk mengambil pekerja asing melalui subsidi ataupun bantuan melalui skim yang diharapkan di dalam pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang keperluan institusi

latihan tenaga buruh ataupun pembangunan sumber manusia. Memang kita tahu di Semenanjung banyak institusi untuk latihan kemahiran para lepasan sekolah. Tetapi di Sabah terhad sekali. Saya ingin mencadangkan ataupun meminta kepada Kementerian Pembangunan Sumber Manusia supaya mendirikan latihan kemahiran atau institusi latihan kemahiran di Sabah, khususnya di dalam bidang pelancongan, perladangan dan juga binaan. Saya tidak nampak kenapa rakyat kita di Sabah tidak sanggup untuk bekerja di ladang-ladang ataupun dalam sektor binaan. Sedangkan kebanyakan daripada mereka juga berlatar belakang sebagai anak petani.

Saya juga ingin mencadangkan supaya mereka ini dibimbing ke arah itu. Walaupun memang kita bercita-cita untuk maju ke arah perindustrian menjelang 2020, tetapi kita harus menerima hakikat bahawa negara kita ataupun keadaan geografi negara kita dan juga keadaan masyarakat negara kita memerlukan penghasilan pertanian. Oleh yang demikian, industri pertanian perlu dimaju juga. Justeru itu, tenaga untuk industri pertanian perlu juga dititikberatkan oleh kerajaan. Untuk maksud itu, saya harap agar para lepasan sekolah diberi latihan ke arah itu. Satu daripada masalah yang kita hadapi sekarang ialah kita bimbing kanak-kanak kita ataupun lepasan sekolah dari bangku sekolah dan sampailah mereka meninggalkan bangku sekolah hanya mahu bekerja di kilang sahaja, sehinggakan sawah padi tertinggal begitu sahaja. Demikian juga ladang-ladang kelapa sawit. Pekerja asing sanggup bekerja di sektor ini. Tetapi kenapa pula anak tempatan tidak. Sedangkan ibu bapa mereka sudah dilahirkan sebagai petani dan juga membesarkan anak-anak mereka sebagai hanya melalui titih peluh sebagai petani sahaja.

Saya bukanlah bermaksud. Tuan Yang di-Pertua, untuk membuat saranan supaya

anak-anak kita terus menjadi petani. Tetapi bagaimana dengan tanah-tanah peninggalan keluarga petani. Kalau tidak ada yang mengusaha, apa yang akan terjadi? Mahukah kita ataupun kerajaan supaya semua sawah padi ataupun bendang itu ditimbus untuk dijadikan tapak perindustrian, sedangkan kita memerlukan beras untuk menampung kehidupan. Oleh kerana keadaan masyarakat kita, kita tidak boleh hidup kalau tidak ada beras, kita tidak boleh hidup kalau tidak ada ikan.

Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, sektor pertanian atau perindustrian pertanian dan juga perikanan harus diambil kira dalam perancangan pembangunan Wawasan 2020. Ke arah itu, tenaga manusia juga haruslah dirancang mulai dari sekarang untuk menangani masalah itu nanti.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin sentuh di sini ialah tentang cottage industry. Ketika saya berada di England dahulu, saya nampak bahawa gedung-gedung besar yang menjual pakaian itu bukan mereka yang mengeluarkan. Mereka hanya menjual, tetapi mereka melatih beberapa kaum ibu bekerja sebagai sambilan yang dikatakan cottage industry, menjahit di rumah kediaman dengan cukup kualiti, yang boleh diterima oleh gedung-gedung ini untuk dijual, dan boleh dijual kepada para pengguna, oleh kerana kualitinya begitu baik kerana dilatih untuk sedemikian.

Jadi, kita janganlah hanya menumpukan perhatian kita melatih pekerja-pekerja yang diambil oleh majikan sahaja. Kita harus membuat penyelidikan bagaimanakah tenaga cottage industry ini boleh kita majukan supaya kita tidak perlu bergantung sangat kepada majikan, terutama yang datang daripada luar negara. Kita harus berhati-hati juga bila seperti yang dikatakan oleh seorang Ahli dari Balik Pulau, China nanti ataupun Russia

membangun cepat dari segi ekonomi. Ini tidak mustahil. Maka para pengilang ataupun para pelabur di negara kita ini akan mungkin meninggalkan kita. Di manakah pasaran buruh yang kita lakukan itu. Seharusnya perancangan tenaga buruh kita ataupun sumber manusia kita ialah berdikari supaya kita jangan terheret ataupun diugut oleh mana-mana negara kerana kita terlalu bergantung kepada mereka. Itulah yang saya ingin sentuh daripada perancangan, Tuan Yang di-Pertua.

Satu lagi perkara ialah peranan para pekilang ataupun majikan sendiri di dalam melatih buruh. Jangan biar mereka hanya mengharap kerajaan untuk melatih buruh yang diperlukan. Mereka juga haruslah diminta sama-sama dengan kerajaan membangunkan sumber manusia di negara ini. Melalui kerjasama di antara kerajaan dan para majikan, mungkin persatuan pengilang misalnya membentuk satu insituti di mana kerajaan dan juga pengusaha-pengusaha dalam bidang-bidang yang berkaitan mengembleng tenaga untuk melatih sumber manusia di negara kita ini. Misalnya, di dalam perhotelan, adalah mustahil kalau kerajaan diminta untuk menyediakan tenaga keseluruhan ataupun melatih tenaga buruh yang diperlukan oleh sektor pelancongan di negara kita ini. Tanpa penyertaan pengusaha perhotelan sendiri sudah tentu kerajaan tidak akan mampu untuk menyediakan semua pekerjaan yang kita perlukan.

Justeru itulah kerajaan haruslah mengambil inisiatif ke arah ini supaya bebanan kerajaan tidak akan bertambah pada masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin sentuh di dalam hal pembangunan sumber manusia ini ialah mengenai peranan pembantu rumah. Saya sudah sentuh perkara ini dahulu dan memang saya harap kementerian akan

mengambil perhatian mengenainya. Tetapi sementara keperluan kita untuk tenaga mahir mendesak, banyak pula suri-suri rumah yang sudah terlatih dan berpengalaman terpaksa berhenti kerja oleh kerana menjaga anak-anak mereka.

Memang kita hormati mereka kerana mereka tidak mahu membiarkan anak-anak mereka tertinggal begitu sahaja oleh kerana tidak ada pembantu rumah yang terlatih tetapi bagaimana kalau kita mempunyai pasaran buruh pembantu rumah yang bukan sahaja terlatih tetapi mempunyai kebolehan serba serbi di atas daya usaha kerajaan. Mungkin tenaga mahir yang meninggalkan pekerjaan mereka untuk menjaga rumah tangga boleh terus berkhidmat dan kebolehan mereka, pengalaman mereka, tidak terbuang begitu sahaja.

Jadi, saya harap kerajaan akan mengambil perhatian supaya mencari formula ataupun mekanisme di mana tenaga buruh di sektor pembantu rumah ini tidak akan merasa terhina kerana bekerja sebagai pembantu rumah dan memanglah satu daripada yang mereka harap-harapkan ialah masa hadapan mereka juga terjamin. Satu daripada cara itu yang saya fikir boleh dilaksanakan ialah mewajibkan supaya setiap keluarga yang mengambil tenaga buruh sebagai pembantu rumah diwajibkan supaya pekerjaan mereka itu membuat caruman kepada KWSP dan kerajaan juga haruslah bertimbang rasa oleh kerana wang yang mereka belanjakan itu ialah daripada gaji yang sudah pun dikenakan cukai.

Maka seharusnya kerajaan mengambil perhatian supaya caruman majikan itu dikecualikan daripada cukai ataupun kalau boleh kerajaan sendiri membuat subsidi ke arah ini.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, saya rasa itu sahaja yang saya ingin sumbangkan ke arah ini dan saya harap pihak

kementerian akan mengambil perhatian kepada saranan-saranan saya itu bila merangka ataupun menjalankan pelaksanaan undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Mentakab. Saya ingat selepas ini saya minta kementerian menjawab. Hanya seorang sahaja.

5.14 ptg.

Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang yang diberi untuk mengambil bahagian dalam perbahasan satu Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Pembangunan Sumber Manusia (Pindaan) 1995.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu tujuan pindaan ini ialah untuk memperluaskan penggunaan skim kumpulan wang pembangunan sumber manusia kepada perusahaan kecil di sektor perkilangan.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Dengan pindaan ini, industri kecil dan sederhana akan diberi pilihan untuk menyertai skim tersebut untuk melatih dan meningkatkan kemahiran pekerja mereka melalui program latihan dengan subsidi dari skim tersebut, ini merupakan satu langkah yang amat bagus dan dialu-alukan dan saya ingin menyeru semua pihak IKS mengambil peluang ini menyertai skim KWPSM dengan serta merta.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun skim ini adalah amat bagus untuk menggalakkan syarikat-syarikat kita menjalankan latihan untuk meningkatkan kemahiran pekerja-

pekerja dan untuk mewujudkan satu budaya mementingkan kualiti pekerja, tetapi saya juga dapati pelaksanaannya ada beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama, selain daripada IKS, syarikat lain yang menyertai skim ini tidak menikmati apa-apa subsidi atau bantuan kewangan untuk membiayai kos latihan, mereka cuma boleh menuntut kos latihan ke tahap jumlah maksimum levi yang disumbangkan kepada skim tersebut oleh mereka. Pendek kata, mereka cuma dapat menuntut balik apa levi yang mereka telah sumbangkan kepada skim tersebut tanpa ada apa-apa subsidi lain.

Tuan Yang di-Pertua, kepada syarikat yang sudah pun menyediakan perbelanjaan tahunan untuk program latihan, skim ini tidak membawa apa-apa faedah kepada mereka, bahkan ia cuma menyusahkan mereka dari segi pentadbiran sebab mereka perlu menyumbang kepada skim tersebut dan selepas menjalankan program latihan, mereka perlu meminta atau menuntut dari skim. Jadi, tidak ada apa-apa subsidi kepada mereka.

Di sini saya ingin bercadang kepada Kementerian Sumber Manusia supaya mengkaji kemungkinan melanjutkan subsidi yang diberi kepada IKS kepada syarikat dan juga mengkaji kemungkinan mengadakan galakan kewangan yang berbentuk lain kepada majikan-majikan yang telah menyertai skim ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kedua yang saya ingin sentuhkan ialah mengenai syarikat yang telah menyertai skim ini tetapi tidak mengadakan apa-apa program latihan dalam tempoh dua tahun. Mengikut amalan sekarang, syarikat tersebut tidak dapat menuntut levi kos latihan walaupun mereka mengadakan skim latihan selepas dua tahun. Ini bermakna mereka akan kehilangan hak tersebut.

Saya ingin meminta Kementerian Sumber Manusia mengkaji semula syarat ini supaya tempoh yang ditetapkan dapat dipanjangkan. Saya ingin menyeru kementerian mengambil inisiatif untuk berbincang dengan syarikat tersebut sebab-sebab mereka tidak dapat menjalankan program latihan dalam dua tahun itu. Apa yang penting ialah jika kita ingin menggalakkan mereka melatih pekerja-pekerja mereka, maka kita perlu mengambil inisiatif memahami segala permasalahan yang dihadapi oleh mereka.

Kita perlu sedar bahawa levi yang dibayar kepada skim tersebut sebenarnya adalah duit majikan tersebut dan lebih baik jika kita memastikan segala manfaat akan dinikmati oleh syarikat tersebut. Di sini saya ingin meminta penjelasan dari Kementerian Sumber Manusia, setakat ini berapa jumlah levi yang tidak dituntut sejak pelaksanaan skim ini dan apa telah terjadi kepada jumlah yang tidak dituntut itu?

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin tahu di bawah program latihan yang diluluskan (Perlus) berapakah syarikat yang telah didaftar sebagai 'training provider', dengan izin dan apakah asas atau kriteria yang digunakan untuk memilih 'training providers' tersebut supaya kita dapat memastikan segala latihan yang diluluskan oleh kementerian adalah yang bermutu dan benar-benar berguna kepada pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya memohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.19 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya inginlah mengucapkan

setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Rata-rata hampir kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyuarakan kebimbangan mereka mengenai langkah-langkah yang kerajaan akan ambil untuk mengisi kekosongan sumber manusia bagi mengisi industri-industri masa hadapan.

Sebagaimana yang kita tahu bahawa pihak kerajaan memang bimbang dengan kemasukan pekerja-pekerja asing yang begitu ramai sekali ke dalam negara kita dan oleh sebab itu kerajaan telah pun membuat beberapa keputusan penting iaitu di antaranya untuk memberhentikan segala industri-industri yang banyak menggunakan tenaga manusia dan seterusnya mengalih tumpuan kita kepada industri-industri yang merupakan hi-tech ataupun industri-industri yang menggunakan automatik dengan itu dapat kita mengurangkan pergantungan kita kepada tenaga manusia.

Oleh sebab itu pihak Unit Perancang Ekonomi Kerajaan memang sedang mengadakan berbagai-bagai perancangan dan menyelaraskan semua kementerian-kementerian ataupun agensi-agensi kerajaan yang terlibat dalam soal latihan sumber manusia, di antaranya Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Belia dan Sukan dan juga Kementerian Sumber Manusia. Bagi Kementerian Sumber Manusia sahaja dengan ringkasnya dalam Rancangan Malaysia Ketujuh kita akan mendirikan 6 lagi ILP, khususnya untuk mengisi kekosongan ataupun keperluan bagi industri-industri ataupun perusahaan-perusahaan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, iaitu untuk mengisi information technology, hi-tech, elektronik dan sebagainya.

Begitu juga kita akan melipatgandakan Institut Latihan Pengeluaran dan Institut

Latihan Perindustrian yang sedia ada di samping kita meningkatkan lagi segala alat kelengkapan industri-industri yang berkaitan. Namun demikian, saya ingin nyatakan bahawa akta yang dibentangkan pada hari ini adalah cuma untuk meminda beberapa perkara yang telah pun ada dalam suatu akta yang sedang dilaksanakan sekarang ini. Pindaan akta ini adalah berasaskan kesedaran kerajaan bahawa kita tidak boleh mengekalkan pekerja-pekerja kita itu mendapat pendapatan di tahap yang sama selama-lamanya, iaitu banyak yang terlibat dengan pekerjaan-pekerjaan yang tidak memerlukan kemahiran yang tinggi, maka itulah sebabnya pihak kerajaan telah pun menubuhkan Tabung Pembangunan Sumber Manusia ini.

Kerajaan tahu bahawa kalau kita hanya bergantung kepada pujuk rayu supaya industri-industri atau pun perusahaan-perusahaan dengan inisiatifnya sendiri mengadakan peningkatan kemahiran ataupun latihan semula pekerja-pekerja mereka, maka ini tidak akan mendapat sambutan, maka itulah dengan secara tidak langsung kerajaan telah menubuhkan tabung ini dan dengan mengenakan levi maka secara langsung ataupun tidak langsung pihak majikan terpaksa mengadakan berbagai-bagai rancangan untuk melatih semula pekerja-pekerja mereka ataupun untuk meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja yang mereka ada. Jadi, soal penggunaan tabung ini bagi industri-industri tertentu tidak timbul, oleh sebab semua syarikat-syarikat yang perlu memberi sumbangan levi mengikut akta itu terpaksa membuat sumbangannya dan ini termasuk juga industri-industri elektronik dan sebagainya yang telah dinyatakan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat.

Bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong iaitu supaya diberi perhatian kepada sektor elektronik dan maklumat teknologi supaya diberi

galakan, sukacita dinyatakan bahawa semua majikan yang mendaftar dan membayar levi pembangunan sumber manusia adalah layak mendapat faedah grant latihan di bawah Skim Pembangunan Sumber Manusia ini. Walau bagaimanapun, adalah diakui kemahiran teknikal dan teknologi adalah mustahak.....

Tuan Noh bin Omar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Noh bin Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Daripada kenyataan yang dinyatakan tadi jelas menunjukkan bahawa Skim Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia ini adalah hanya digunakan untuk latihan-latihan kemahiran dan pembangunan fizikal sahaja yang mana kita lihat tujuannya ialah untuk melatih pekerja-pekerja dan juga meninggikan produktiviti sesuatu industri. Saya ingin tahu adakah wang ini juga boleh digunakan untuk kursus-kursus pembangunan mental dan rohani untuk mempertingkatkan pembangunan insan, supaya pekerja ini dapat keseimbangan dari segi rohani dan juga jasmani.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, kita mengadakan latihan yang berbagai-bagai untuk memberi latihan semula kepada pekerja yang sedia ada dan juga meningkatkan kemahiran mereka dan salah satu unsur yang sekarang digalakkan adalah sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat kerana dengan adanya pekerja-pekerja berdisiplin maka sudah tentulah dengan sendirinya produktiviti mereka juga akan meningkat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Parit Sulong bangun.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya baru hendak menjawab.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya juga tahu bahawa Human Resource Development Fund ini adalah baik, yang saya tanyakan, bagaimanakah cara kita mahu mengesan keikhlasan pihak majikan oleh kerana lembaga yang menduduki tabung ini pun kebanyakannya adalah wakil majikan. Saya takut jika perkara ini kita memberi keistimewaan kepada mereka dan menerusi accounting manipulation, dengan izin, dia reflect on their accounts, memang ada perbelanjaan untuk retraining, ataupun latihan semula, tetapi hakikat yang sebenarnya, retraining ini hanya sekadar melepaskan batuk di tangga, ini yang kita agak bimbang. Bagaimanakah sistem ataupun mekanisme untuk kita mengesan bahawa latihan memang benar-benar dilakukan secara ikhlas dengan hajat untuk meningkatkan kemahiran dan pada waktu yang sama meningkatkan pendapatan para pekerja.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, saya akan sampai kepada peringkat itu. Mulanya saya hendak menjawab apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong sebelum itu iaitu mengenai latihan kemahiran teknikal dan teknologi dalam kedua-dua bidang iaitu bidang elektronik, sebagaimana yang dikatakan. Adalah diakui bahawa ini adalah bidang-bidang yang penting. Bagi latihan kedua-dua bidang ini adalah diberi bantuan yang lebih tinggi iaitu 80% berbanding dengan 75% bagi bidang lain. Jadi, ada bidang-bidang seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong dan bidang-bidang ini memang kita menggalakkan latihan semula ataupun ditingkatkan kemahiran dan dengan itu kita memberi bantuan yang lebih daripada bidang-bidang yang lain.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Kepong bangun, Yang Berhormat.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Maaf, sebelum itu, sekejap, saya hendak selesaikan yang ini dahulu.....

Dr. Tan Seng Giaw: Sebelum Yang Berhormat meneruskan, oleh kerana saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Parit Sulong yang membangkitkan hal yang penting ini. Tuan Yang di-Pertua, sebelum Yang Berhormat meneruskan saya hendak tanya satu sahaja, oleh kerana akta ini untuk kilang-kilang dan majikan dan industri pengilangan yang mempunyai 10 tetapi tidak lebih daripada 49 pekerja dan modal berbayar kurang daripada RM2,500,000 dan ke bawah. Kilang-kilang ini, saya percaya tidak banyak yang terlibat dengan bidang elektronik ataupun information technology kerana bilangan pekerja yang kecil dan juga modal berbayar pun tidak banyak. Sebelum Yang Berhormat menjawab, oleh sebab saya ada banyak soalan lagi, saya tidak sempat untuk menyertai dalam perbincangan tetapi saya ada banyak persoalan.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tetapi soalan yang dibangkitkan itu telah pun diberikan jawapan oleh saya semasa saya membentangkan Usul tadi. Jadi, pindaan ini adalah meliputi industri-industri kecil - untuk mengembangkan lagi. Jadi, saya balik kepada perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong tadi, iaitu ingin saya menyatakan bahawa majikan di industri elektronik adalah yang paling ramai mendapat faedah grant latihan di bawah Skim Pembangunan Sumber Manusia.

Pada masa ini ramai juga majikan yang memohon faedah geran latihan untuk melatih semula pekerja mereka.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Parit Sulong.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Begitu juga dengan networked intelligent...

Tuan Yang di-Pertua: Parit Sulong bangun lagi ya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, benarkah tidak bahawa sebahagian besar daripada geran yang telah dikeluarkan iaitu 45.6% hanya dikeluarkan kepada pengilang-pengilang electrical machinery, apparatuses, appliances dan supplies, bukannya dari bidang electronic industry? Jadi, ini yang saya musykilkan. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan perkara itu saya amat bergembiralah mendengarnya tetapi saya dapat tahu bahawa 45.62% daripada jumlah wang yang telah dikeluarkan selama ini sehingga tahun sudah hanya oleh kilang-kilang yang dealing dengan machinery, apparatus, appliances, jadi ini bukan bidang elektronik yang saya perkatkan tadi. Saya minta penjelasan sedikit. Terima kasih.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Jadi, semua industri yang telah mendaftar dengan kumpulan wang ini memang boleh menggunakan levi yang mereka bayar. Penggunaan wang ini hanya boleh digunakan oleh syarikat-syarikat yang telah memberi sumbangan levi, bukan oleh sesiapa sahaja.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya, saya ada satu statistik di tangan saya ini yang mengatakan bahawa pada tahun 1995, sejumlah 45.62% daripada wang atau geran ini telah dikeluarkan, bukan kepada syarikat elektronik tetapi hanya industri-

industri yang berkaitan dengan apparatuses, machinery, appliances, bukannya dari bidang elektronik yang kita kenal sebagai elektronik dalam negara ini. Jadi, saya kata, adakah ini benar kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan demikian?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya cuma menyatakan bahawa untuk sumbangan dari tabung ini hanya dibayar lebih kurang 70%, 75%, tetapi untuk menggalakkan syarikat-syarikat elektronik lebih tampil ke depan untuk menggunakan tabung ini, maka kita memberi mereka sebanyak 80% dari perbelanjaan mereka itu. Ini sebagai satu insentif, galakan, itu yang maksud saya.

Begitu juga tentang kebimbangan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong mengenai salah guna levi ini oleh syarikat-syarikat yang membayar levi, lepas itu mengemukakan berbagai-bagai tuntutan sebagai satu helah untuk mendapat balik levi-levi mereka.

Sukacita saya mengatakan bahawa kerajaan memang sedar tentang kemungkinan ini dan kita telah pun mengadakan pelbagai peraturan-peraturan untuk menutup kemungkinan ini berlaku iaitu dengan mengenakan syarikat-syarikat itu pada masa mereka mengemukakan tuntutan, majikan diminta mengemukakan juga resit pembayaran, senarai peserta yang telah mengikuti kursus sebagai bukti. Di samping itu, mereka diminta juga menyimpan rekod bagi latihan-latihan yang telah dijalankan untuk memudahkan pegawai-pegawai membuat penyemakan. Pegawai-pegawai juga dari masa ke semasa akan membuat lawatan untuk mengesahkan sama ada latihan itu benar-benar dijalankan dan adakalanya pula kita meminta supaya mereka mengemukakan plan latihan mereka itu sebelum kita luluskan permohonan mereka.

Begitu juga Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau telah menyatakan kebimbangannya bahawa ada kemungkinan syarikat-syarikat yang banyak menggunakan tenaga yang tidak mahir mungkin akan memindahkan syarikat-syarikat mereka ke luar negara. Maka, itulah sebabnya saya nyatakan tadi ini, bahawa kerajaan sekarang telah pun mengadakan tabung ini iaitu semata-mata sebagai satu cara untuk memaksa syarikat-syarikat yang berkenaan melatih pekerja-pekerja mereka ataupun meningkatkan kemahiran mereka. Kalau mereka telah pun dikenakan untuk membayar levi iaitu sebanyak 1% dari jumlah gaji mereka, maka sudah tentulah secara tidak langsung mereka terpaksa juga menggunakan wang yang mereka sumbangkan itu sebagai satu cara untuk melatih semula pekerja-pekerja mereka dan dengan adanya latihan ini, maka sudah tentulah kemahiran mereka akan ditingkat bersama dengan.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebenarnya saya tanya tadi, di samping tabung ini kita faham bahawa adalah untuk retraining ataupun latihan semula pekerja. Betul Yang Berhormat Timbalan Menteri ya?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Ya, ya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: ...untuk retraining atau latihan semula pekerja yang telah ada dan saya juga bertanya bagaimanakah bentuk retraining ini supaya dapat disesuaikan dengan permintaan industri teknologi tinggi pada masa akan datang dan tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa banyak industri-industri akan pergi kepada automation, ya? Menggunakan automasi dan juga capital intensive rather than labour intensive.

Yang saya persoalkan sekarang, beratus ribu rakyat Malaysia sekarang ini bekerja

dalam industri elektronik, dan sebilangan besar mereka adalah pekerja separuh mahir ataupun langsung tidak ada kemahiran, cuma ada kemahiran dari segi craftsmanship, kemahiran tangan. Jadi, retraining bagus, tetapi bagaimana untuk menghadapi masa depan yang akan datang tidak lama lagi, bagaimanakah retraining programme ini? Tidakkah kementerian harus memberi satu guideline supaya retraining programme ini disesuaikan juga dengan menyiapkan pekerja yang ada di industri yang ada sekarang ini supaya boleh diserap dengan secara mudah, walaupun di peringkat yang paling rendah, apabila industri teknologi tinggi masuk ke negara kita? Terima kasih.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, mengenai cara retraining yang hendak diberikan itu, kita pada ketika ini, kita serahkan sahaja kepada budi bicara syarikat-syarikat yang berkaitan...

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (*Bangun*).

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Nanti sekejap, saya tidak habis. Kerana mereka lebih tahu keperluan mereka ini, kerana mereka tahu bahawa pada ketika ini mereka sukar sekali untuk mendapat pekerja kerana terpaksa membayar levi yang tinggi, sukar untuk mendapat kelulusan membawa masuk pekerja dan sebagainya. Jadi, suka atau tidak suka mereka terpaksa pergi kepada automation, suka atau tidak suka! Sebab sukar sekali untuk mendapat pekerja, jadi oleh sebab itu merekalah yang lebih tahu tentang apakah jenis latihan semula yang perlu diberi untuk mengisi kekurangan ataupun keperluan mereka sama ada dari segi jangka panjang, jangka pendek ataupun jangka sederhana, jadi mereka lebih tahu.

Jadi, itu sebabnya pada ketika ini kita serahkan kepada mereka sendiri untuk

menggunakan levi yang mereka bayar itu seelok-eloknya untuk mengisi keperluan mereka.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memang itu jelas, cuma saya minta jasa baik Yang Berhormat Timbalan Menteri, sekiranya boleh secara persuasive pun diberi satu guideline supaya retraining itu disesuaikan dengan industri masa akan datang. Saya takut retraining ini sekadar kalau tidak dia pergi automation, apabila automation ada displacement, bermakna ada pekerja yang patut kena retrench, ini yang kita khuatiri. Oleh kerana kita tidak mahu tenaga buruh yang ratusan ribu itu apabila kita melangkah ke alam teknologi tinggi dengan automation dan sebagainya mereka menjadi kehilangan kerja, tidak ada karier langsung. Jadi, boleh atau tidak, dengan jasa baik Kementerian Sumber Manusia supaya di dalam kita melaksanakan bantuan untuk retraining ini juga, pihak industri diberikan guideline oleh, saya rasa, pihak kita lebih tahu, pihak kerajaan lebih tahu di mana scenario dunia dan kehendak guna tenaga pada masa akan datang.

Saya rasa itu lebih memudahkan, jangan terserah kepada discretion, saya takut dan bimbang, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana setengah multinasional yang datang ke negara kita ini, ia atas perkiraan short-term bukan atas perkiraan jangka panjang. Dia kata sementara industri-industri ini masih relevan pada hari ini, dia datang, tetapi apabila dikehendaki untuk kita melangkah ke teknologi tinggi, dia tinggalkan kita. Itu kebimbangan kita, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kita takut ada displacement di kalangan pekerja, ini yang hendak kita perjuangkan. Terima kasih.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Sebagaimana yang telah saya nyatakan, kebanyakan multinational yang membuka syarikat-syarikat baru, lebih-

lebih lagi yang merupakan syarikat-syarikat hi-tech melaburkan wang beratus juta ringgit. Saya penuh yakin bahawa mereka yang melaburkan beratus juta ringgit tidak akan mengabaikan soal manpower planning mereka ini dari segi jangka pendek dan jangka panjang. Saya rasa mereka yang lebih arif dalam soal ini.

Namun demikian, sebagaimana yang saya telah.....

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Kepong bangun, Yang Berhormat. Kepong.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:Namun demikian, sebagaimana yang telah saya nyatakan pada awal-awal tadi lagi, pihak Economic Planning Unit memang sedang menyelaraskan semua kementerian dan agensi kerajaan yang lain yang bersangkutan dengan latihan sumber manusia kita ini supaya dapat mengisi keperluan jangka panjang dan juga keperluan kita pada masa hadapan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong itu adalah benar. Sebab setahu saya, di negara ini kita belum lagi mengadakan garis panduan atau pun penafsiran yang cukup untuk mengetahui tahap mana pekerja-pekerja Malaysia mendapat kemahiran yang setaraf dengan hasrat kita untuk mengadakan industri berteknologi tinggi.

Walaupun Yang Berhormat menyebutkan kearifan syarikat transnasional kerana terlalu arif, mereka tahu bagaimana boleh dipindahkan daripada Malaysia misalnya kerana mungkin iklim tidak begitu sesuai bagi mereka, mereka hendak pindah ke negara China, Vietnam ataupun kawasan yang lain dan apabila mereka

berpindah, mereka dengan mudah boleh memindahkan teknologi dan kemahiran mereka. Itulah yang biasanya berlaku.

Tetapi Yang Berhormat, saya mencadangkan supaya mengambil perhatian mengenai perkara ini kerana kearifan mereka - syarikat transnasional yang membolehkan mereka berpindah-randah tanpa meninggalkan teknologi yang diperlukan oleh Malaysia.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya penuh yakin, apabila mereka membentangkan Rancangan Malaysia Ketujuh nanti, maka sedikit sebanyak kita dapat mendengar tentang rancangan-rancangan kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau telah menyatakan bahawa bagaimanakah jika kita dapat menggunakan tabung ini bagi melatih pekerja-pekerja kita dalam kumpulan kewangan dan sebagainya.

Sukacita saya nyatakan perkara ini memanglah sedang diteliti oleh pihak kerajaan ketika ini dan insya-Allah, kita akan buat sesuatu supaya apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu dapat kita laksanakan.

Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong telah juga menyatakan bahawa sepatutnya juga diberi latihan kepada pekerja-pekerja dalam bidang network intelligent. Ini juga satu bidang yang diberi galakan dan untuk maksud itu, siapa juga majikan yang meminta bantuan, kita mengenakan bantuan yang digalakkan iaitu 80% dari jumlah perbelanjaan mereka itu.

Minta maaf, bagi latihan dalam skim industri kewangan. Minta maaf, Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau tadi - skim latihan bagi industri kewangan iaitu bank dan insurans telah pun mempunyai skim latihan sendiri yang ditadbirkan oleh Bank Negara. Oleh itu, saya rasa adalah tidak

perlu pada ketika ini untuk menggunakan tabung ini bagi melatih pekerja-pekerja dalam bidang tersebut.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Balik Pulau bangun.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Sekadar penjelasan. Adakah maknanya kesemua jenis BAFIA merangkumi bank-bank perdagangan misalnya, syarikat kewangan dan juga insurans, adakah ianya juga termasuk macam brokerage industry dan sebagainya yang di luar daripada sini tetapi di bawah kelolaan Bank Negara itu adakah mungkin orang yang silap saya tanya? Tetapi adakah ianya termasuk bidang-bidang yang saya sebutkan tadi?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Buat masa ini, sebagaimana yang telah dinyatakan, latihan seperti itu dikendalikan oleh Bank Negara. Namun demikian, pihak Majlis akan mengkaji syor Yang Berhormat dan di mana ianya tidak dicover oleh Bank Negara, insya-Allah, kita akan cuba memberi mereka peluang menggunakan tabung tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau juga telah menyatakan berapa ramaikah majikan yang belum membayar levi. Sukacita saya menyatakan, sehingga 15hb. Mac 1996, seramai 627 majikan yang mendaftar belum membayar levi yang dianggarkan sebanyak RM15.12 juta dan kita sedang memikir tindakan-tindakan yang sepatutnya diambil terhadap mereka ini.

Dr. Tan Seng Giaw: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Selain daripada jawapan tadi mengenai bilangan syarikat

yang belum membayar levi itu, bolehkah Yang Berhormat terangkan setakat ini, peratusan levi yang digunakan untuk galakan latihan semula ini, sama ada yang diperuntukkan untuk maksud ini lebih daripada RM60 juta dan jumlah levi yang dikutip setakat ini pada tahun 1996?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Minta maaf, cuba ulang semula?

Dr. Tan Seng Giaw: Selain daripada bilangan pengilang yang gagal untuk membayar levi ini, apakah jumlah levi yang telah pun dikutip di dalam dua tiga tahun ini dan amaun yang digunakan untuk maksud incentive training dan sebagainya, sama ada di dalam tahun ini sebanyak RM50 juta diberikan kepada pengilang masing-masing ataupun lebih daripada itu?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, jelaslah, mungkin Ahli Yang Berhormat tidak ada dalam Dewan semasa saya bantangan usul tadi. Semua angka itu telah pun saya beri semasa membentangkan usul. Kalau hendak ulang balik, kena carilah pula. (Ketawa) Okay?

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau telah bertanya berapakah bilangan pusat-pusat latihan yang ditadbirkan oleh industri-industri tertentu. Sukacita saya menyatakan bahawa pada masa ini terdapat 8 pusat latihan yang ditadbirkan oleh industri-industri tertentu iaitu Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang dan pusat latihan yang sama di Kedah, Perak, Selangor, Johor, Sarawak, Pahang dan Negeri Sembilan.

Pusat-pusat latihan yang berkenaan telah memainkan peranan aktif dan latihan semula dan peningkatan pekerja di negeri-negeri yang berkenaan dan cara-cara mereka memberi latihan dan pengukuran prestasinya sedang dikaji dari semasa ke

semasa supaya keberkesannya dapat ditingkatkan.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Balik Pulau bangun, Yang Berhormat.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Sedikit penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Saya sukacita mendengar bahawa cara pengukuran prestasi pusat-pusat latihan ini sedang dilihat semula untuk membolehkan kita menilai keberkesanan latihan yang dibekalkan untuk meningkatkan kemahiran dan juga pendapatan mereka yang terlibat. Saya ingin mengatakan di sini bahawa ini adalah satu perkara yang penting kerana tanpa pengawalseliaan yang betul dan untuk kita memastikan bahawa sebenarnya berlaku dan terlibatnya ramai orang dalam perkara ini dan sebenarnya berlaku peningkatan kemahiran dan seterusnya pendapatan, jadi keseluruhan exercise ini kadang-kadang jadi tidak berkesan.

Jadi, saya memintalah satu komitmen daripada kementerian untuk memastikan bahawa kita punya mekanisme dan kayu ukur yang jelas, yang membolehkan kita mengukur sebenarnya keberkesanan pusat-pusat latihan yang dikendalikan oleh industri ini untuk mencapai matlamat kita yang akhirnya iaitu melibatkan sebanyak mungkin pekerja untuk dinaikkan tahap kemahiran dan pendapatan mereka seterusnya.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat mungkin tahu, kita memang sedang menggalakkan pihak swasta, pihak mana sahaja untuk mengadakan pusat-pusat latihan yang berbagai-bagai kerana keperluan kita sangatlah tinggi dan sangat mendesak. Jadi, kita memang menggalakkan sesiapa sahaja lebih-lebih lagi pihak swasta dan dalam hubungan

ini saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat bahawa sudah sampai masanya kita juga memikir tentang satu mekanisme menyeluruh. Siapa yang sepatutnya mengendalikan mekanisme ini perlulah diteliti oleh pihak kerajaan kerana begitu banyak sekali kementerian dan agensi kerajaan dan swasta yang terlibat dalam soal latihan ini. Namun demikian, saya setuju bahawa dalam usaha kita untuk meningkatkan kemahiran dengan begitu pesat sekali, janganlah pula kita lupakan tentang standard minimum yang perlu kita capai dan kita perlu kekalkan. Terima kasih.

Ahli Yang Berhormat dari Cheras pula telah membangkitkan berbagai-bagai pertanyaan. Di antaranya, apakah hukuman yang diperuntukkan bagi majikan yang tidak membayar levi? Suka saya menyatakan bahawa majikan yang gagal membayar levi dan jika disabitkan kesalahan akan dikenakan hukuman di bawah seksyen 3 Akta Pembangunan Sumber Manusia iaitu denda tidak melebihi RM10,000 atau dua tahun penjara atau kedua-duanya sekali.

Yang Berhormat dari Cheras juga tidak bersetuju dengan faedah yang ditetapkan iaitu 10% setahun, mencadangkan supaya kadar faedah ditetapkan mengikut pasaran. Pengeunaan faedah ke atas pembayaran levi tertunggak adalah untuk memastikan majikan membayar levi mengikut masa yang ditetapkan. Setakat ini terdapat 627 majikan yang lewat membayar levi. Tindakan undang-undang sedang diambil terhadap mereka dan kerajaan rasakan faedah sebanyak 10% yang dikenakan itu adalah berpatutan buat ketika ini.

Ahli Yang Berhormat dari Cheras juga telah membangkitkan soal skim kumpulan wang ini diperluaskan untuk meliputi industri lain. Ini memanglah satu cadangan yang baik. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat tahu, pihak Majlis Pembangunan Sumber Manusia ini

sepanjang masa sedang memikir bagaimana kita dapat memperluaskan penggunaan tabung ini. Sebagaimana pada mulanya, pada tahun 1993, kita hanya menyekat penggunaan tabung ini kepada sektor perkilangan sahaja tetapi ini telah pun diperluaskan dengan begitu luas sekali sekarang ini termasuk kepada soal perkhidmatan yang berbagai-bagai.

Dan Ahli Yang Berhormat juga ingin tahu berapakah bilangan pekerja yang telah dilatih mengikut industri buat masa ini? Setakat 15hb. Mac 1996, sebagaimana yang telah saya nyatakan dalam ucapan saya tadi ini, kelulusan telah diberi untuk seramai 807,076 orang untuk dilatih semula. Maklumat bilangan pekerja mengikut industri, itu adalah satu senarai yang sangat panjang. Kalaulah Ahli Yang Berhormat perlukan, bolehlah saya berikan secara bertulis kelak. Begitu juga dengan berbagai-bagai pertanyaan lain.

Begitu juga Ahli Yang Berhormat dari Cheras telah menanyakan apakah skim-skim yang wujud di bawah kumpulan wang ini? Pada masa ini telah dapat sembilan skim yang telah berkuatkuasa di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia dan penerangan lanjut akan diberi secara bertulis, panjang sangat.

Ahli Yang Berhormat dari Bintulu pula telah bertanya, bagaimanakah kementerian boleh menggemblengkan tenaga buruh di Sarawak yang banyak dan berkurangan institut pengajian tinggi? Jabatan Buruh Sarawak mengadakan program dialog bersama masyarakat di merata-rata tempat, di tempat-tempat tertentu di seluruh Sarawak. Dialog itu memberi penerangan tentang peluang-peluang pekerjaan dan juga latihan dan serba sedikit mengenai faedah-faedah apabila bekerja. Sukacita saya menyatakan bahawa di bawah RM7 sebuah institut latihan perindustrian yang besar akan didirikan juga di Kota Semarahan.

Tuan Yunof Edward Maringking:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tuan bangun.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, hanya penjelasan mengenai terminologi semasa dialog. Ini selalu digunakan oleh jabatan buruh ataupun Kementerian Sumber Manusia iaitu berbunyi begini bila mengiklankan pekerjaan-pekerjaan yang tidak begitu sedap di....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, adakah bersangkut apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu?

Tuan Yunof Edward Maringking: Ya. Memang begitu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sangkut?

Tuan Yunof Edward Maringking: Sangkut Tuan Yang di-Pertua. Itu mengenai bahasa.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak dengar pun apa yang dicakapkan mengenai terminologi.

Tuan Yunof Edward Maringking: Waktu dialog Tuan Yang di-Pertua. Bila berdialog, ia memberi penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Dialog?

Tuan Yunof Edward Maringking: Dialog dengan orang kampung. Jadi, memang beri penjelasan....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh dibenarkan meminta penjelasan di atas apa yang diucapkan oleh Menteri-menteri ataupun Timbalan Menteri. Luar daripada itu tidak bolehlah kita tanya.

Tuan Yunof Edward Marinking: Ya. Memang ini sangkut Tuan Yang di-Pertua. Saya belum lagi sebut mengenai bahasa oleh kerana waktu dialog itu Jabatan Buruh memang menjemput pekerja. Jadi, itulah mereka salah faham. Itu sebab mereka tidak datang dan bahasa yang digunakan kalau dengan izin Tuan Yang di-Pertua ialah...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa tidak boleh membenarkan penjelasan Yang Berhormat itu. Tidak bersangkut dengan apa yang diucapkan di dalam Dewan ini. Yang itu luar daripada apa yang diucapkan. Yang Berhormat Timbalan Menteri sila teruskan.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, saya nampak tidak adalah jawapan yang spesifik yang hendak saya beri. Cuma Ahli Yang Berhormat dari Tuaran telah menyatakan supaya bidang-bidang latihan itu diperluaskan kepada soal-soal pertanian, perikanan dan sebagainya. Sememangnya itu tidak kena-mengena dengan perkara-perkara yang telah saya bentangkan hari ini.

Jadi, saya ucapkan terima kasihlah kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan kalau ada terdapat sesuatu yang saya tidak jawab, maka saya minta maaf dan saya akan beri jawapan kemudian kelak. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga Fasal 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PAMPASAN PEKERJA (PINDAAN) 1995

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.00 ptg.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Suatu Akta bagi meminda Akta Pampasan Pekerja 1952 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Akta Pampasan Pekerja 1952 merupakan sebuah undang-undang yang memperuntukkan pembayaran pampasan apabila seseorang pekerja tercedera atau mati akibat kemalangan yang berlaku semasa bekerja atau yang berbangkit dari pekerjaannya.

Di bawah akta ini majikan diwajibkan membeli polisi insurans untuk melindungi pekerja-pekerja. Apabila berlaku suatu kemalangan yang mengakibatkan kematian atau kecederaan kepada seseorang pekerja, Jabatan Buruh akan menaksir amaun pampasan menurut peruntukan di bawah akta ini dan kemudian pihak majikan yang berkenaan akan mengurus dengan penanggung insurans untuk menyelesaikan bayaran pampasan

itu. Akta ini adalah terpakai di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Walaupun akta ini pada mulanya dimaksudkan untuk meliputi pekerja-pekerja tempatan sahaja, ia juga telah meliputi pekerja pihak asing kerana istilah pekerja yang digunakan oleh Akta ini tidak membezakan pekerja tempatan dengan pekerja asing.

Apabila Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 diperluaskan skop liputannya untuk melindungi semua pekerja tempatan dan juga semua pekerja asing mulai 1hb Januari 1992, akta ini menjadi tidak terpakai sepenuhnya. Bagaimanapun mulai 1hb April 1993 kerajaan telah memutuskan supaya semua pekerja asing dikeluarkan dari liputan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan diletakkan di bawah liputan Akta Pampasan Pekerja 1952. Dengan keputusan ini Akta Pampasan Pekerja 1952 adalah terpakai secara khusus kepada pekerja-pekerja asing dan ia perlu dihidupkan semula serta dipinda dan dikemaskini agar bersesuaian dengan fungsi dan objektif barunya.

Di antara pindaan-pindaan yang dicadangkan terhadap akta ini terdapat empat cadangan pindaan yang penting seperti berikut:

- (i) cadangan untuk menaikkan amaun denda yang boleh dikenakan ke atas pesalah-pesalah;
- (ii) cadangan untuk menaikkan kadar bayaran pampasan;
- (iii) cadangan untuk mewujudkan satu mekanisme bagi menjamin bayaran pampasan dengan mudah dan cepat oleh penanggung insurans; dan
- (iv) cadangan untuk mewujudkan suatu kaedah baru bagi tujuan

memudah, mempercepatkan proses membuat tafsiran pampasan yang patut dibayar dalam setiap kes tuntutan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya menghuraikan pindaan-pindaan penting yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini.

Fasal 4 mencadangkan pindaan kepada Seksyen 8 Akta Pampasan Pekerja 1952 untuk menaikkan sebanyak 20% amaun pampasan yang akan diawardkan sekiranya berlaku kematian, tak daya sepenuh yang kekal, tak daya separa yang kekal atau tak daya sementara yang kekal ke atas seseorang pekerja akibat daripada kecederaan yang dialami olehnya.

Amaun pampasan pekerja yang berkuatkuasa sekarang telah ditetapkan pada tahun 1977 iaitu 18 tahun yang lalu. Sejak itu taraf kehidupan dan kos sara hidup kaum pekerja telah meningkat sejajar dengan proses pembangunan ekonomi dan sosio negara. Dengan ini, amaun yang diawardkan sekarang adalah dianggap tidak mencukupi dan tambahan sebanyak 20% yang dicadangkan telah mengambil kira trend inflasi yang disebabkan kenaikan standard dan kos sara hidup.

Seterusnya Fasal 7 mencadangkan pindaan pada Seksyen 13(5) untuk menaikkan denda maksimum daripada RM2,000 kepada RM5,000 bagi kesalahan pertama dan daripada RM5,000 kepada RM10,000 bagi mana-mana kesalahan berikutnya kepada ketakpatuhan Seksyen 13(1). Pindaan ini bertujuan untuk mencegah keenggaran seseorang majikan untuk melaporkan sesuatu kemalangan yang terjadi ke atas mana-mana pekerja asing ke Jabatan Buruh.

Fasal 8 pula mencadangkan pindaan kepada Seksyen 23(2) Akta Pampasan Pekerja 1952 untuk meninggikan lagi

denda maksimum daripada RM2,000 kepada RM5,000 bagi kegagalan mematuhi Seksyen 23(1). Subseksyen itu menghendaki tiap-tiap majikan menghantar kepada jabatan buruh penyata tentang bilangan kemalangan yang berlaku ke atas pekerja-pekerja asing dan jumlah pampasan yang dibayar bagi tempoh-tempoh tertentu.

Seterusnya Fasal 9, mencadangkan supaya amaun denda maksimum bagi kesalahan engkar membeli polisi insurans di bawah Seksyen 26(4) dinaikkan dari RM10,000 kepada RM20,000 dan hukuman penjara selama dua tahun bagi kesalahan ini, yang berkuatkuasa sekarang dikekalkan tanpa sebarang pindaan. Ini memandangkan pada masa sekarang amaun denda maksimum sebanyak RM10,000 yang boleh dikenakan ke atas majikan yang ingkar membeli polisi insurans untuk melindungi pekerja-pekerjanya telah didapati kurang berkesan sebagai faktor pencegahan.

Sejak Akta Pampasan Pekerja 1952 dipakai khusus kepada pekerja asing, ramai majikan didapati ingkar melindungi pekerja-pekerja asing yang digajikan oleh mereka dengan polisi insurans pampasan pekerja. Rekod juga menunjukkan bahawa kadar kemalangan yang berlaku dalam waktu kerja kepada pekerja asing telah meningkat lebih tinggi dari kadar kemalangan yang berlaku kepada pekerja tempatan dan lebih ramai pekerja asing yang melaksanakan tugas-tugas berisiko tinggi khususnya di sektor pembinaan.

Di bawah Fasal 9, pindaan yang dicadangkan adalah untuk mewujudkan akauntabiliti di pihak penanggung-penanggung insurans yang akan melicinkan pentadbiran dan mempercepatkan penyelesaian tuntutan pekerja. Skim insurans pada masa sekarang membenarkan majikan-majikan menginsuranskan pekerja-pekerja mereka dengan mana-mana syarikat insurans.

Amalan ini telah menyebabkan sebilangan besar daripada tuntutan-tuntutan yang telah ditaksir oleh Jabatan Buruh dipertikaikan oleh para majikan semata-mata kerana hendak mengelakkan daripada tanggungjawab membayar atau cuba melengah-lengahkan bayaran. Kadangkala para majikan yang tidak bertanggungjawab juga sanggup berpakat dengan para penanggung insurans untuk menentang tuntutan-tuntutan pekerja dengan menimbulkan pelbagai litigasi dan karenah perundangan. Hanya selepas segala helah tersebut gagal barulah majikan dan penanggung insurans menyelesaikan tuntutan pekerja dan ini mungkin akan mengambil masa di antara 6 hingga 24 bulan untuk diselesaikan. Akibatnya pekerja terpaksa menanggung penderitaan dan Jabatan Buruh pula mengalami kerumitan dalam mengendalikan tuntutan-tuntutan pekerja.

Untuk mengatasi masalah itu pindaan yang dicadangkan bertujuan menjadikan mandatori bagi seseorang majikan menginsuranskan dirinya atau memastikan dirinya terus diinsuranskan di bawah skim insurans yang diluluskan oleh Menteri Sumber Manusia. Di bawah skim insurans ini Menteri Sumber Manusia akan memilih dan melantik penanggung insurans yang benar-benar layak serta mengenakan syarat-syarat tertentu bagi mendapatkan jaminan daripada mereka bahawa tuntutan-tuntutan pampasan oleh pekerja akan diselesaikan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan. Bagaimanapun, pindaan ini hanya merupakan satu alternatif pada sistem yang sedia ada. Pindaan ini memberi kuasa simpanan kepada Menteri Sumber Manusia untuk memperkenalkan sistem baru ini jika beliau fikir perlu dan wajar.

Fasal 10 bertujuan meminda Jadual Pertama dan Kedua pada akta bagi memperkenalkan kaedah baru untuk menaksirkan pampasan pekerja. Buat masa sekarang selain kes kemalangan yang melibatkan kematian, amaun pampasan ini patut dibayar kepada seorang pekerja

yang tercedera ditaksirkan dengan berasaskan kepada peratusan hilang upaya memperoleh pendapatan.

Prosedur bagi menentukan peratusan hilang upaya adalah cerewet dan sangat kompleks; amalan ini bukan sahaja mengambil masa yang panjang, tetapi juga menimbulkan masalah ketidakseragaman kerana pertimbangan dan budibicara pegawai penyiasat adalah berlainan, walaupun bagi kecederaan-kecederaan yang serupa.

Di bawah kaedah baru yang dicadangkan peratusan hilang upaya memperoleh pendapatan bagi setiap jenis pekerjaan ditetapkan terlebih dahulu dalam Jadual Pertama akta ini dan ia akan merupakan satu alat penentu sedia ada yang akan membolehkan kerja menaksir pampasan pekerja dilaksanakan dengan mudah dan cepat tanpa sebarang karenah birokrasi yang tidak diingini. Kaedah baru ini dimodelkan dari kaedah yang diamalkan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 yang sudah terbukti sebagai satu kaedah yang sangat sesuai dan efisien.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Datuk Peter Tinggoman Kamarau): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk meminda Akta Pampasan Pekerja 1952 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Batang Lupar.

6.09 ptg.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar): Tuan Yang di-Pertua,

kalau tidak salah saya ini adalah kali yang kelima saya bangkit menyebut persoalan Undang-undang Pampasan Pekerja 1952.

Semenjak tahun 1992 saya pernah mengatakan bahawa pampasan yang diberi di bawah Skim Pampasan Pekerja 1992 ini adalah tidak lagi mencukupi oleh kerana keadaan pada ketika mana had pampasan ditetapkan adalah telah berlalu begitu lama dan peruntukan yang dibuat tidak lagi sesuai.

Jadi, dengan keadaan yang sedemikian, pindaan ini memang saya alu-alukan, oleh kerana walaupun terlambat dalam pandangan saya, tetapi dapat juga datang menyusul ke Dewan yang mulia ini untuk diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, akta pindaan ini juga melangkah setapak jauh daripada yang saya sarankan dahulu, iaitu di samping menaikkan lagi pampasan kepada orang kena cedera dalam kemalangan-kemalangan yang tertentu, undang-undang ini juga telah menetapkan beberapa penyakit-penyakit lain terutama penyakit-penyakit ada hubung kait dengan industri-industri yang mungkin dibangunkan di Malaysia, juga telah dimasukkan ke dalam schedule yang tertentu undang-undang ini. Jadi, dengan itu telah meluaskan lagi bidang yang boleh diberi pampasan di bawah undang-undang ini, oleh kerana sebagaimana yang kita faham dengan terbukanya negara kita dengan industri-industri dan banyak lagi penyakit-penyakit yang boleh berbangkit daripada pembinaan ataupun penggunaan mana-mana chemical ataupun abu, habuk, haba dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya pihak Kementerian telah mengatur infrastruktur yang tetap untuk mengenal pasti apabila ada kompelin umpamanya, seorang itu telah mendapat satu penyakit oleh kerana habuk ataupun haba, umpamanya debu daripada padi yang boleh

juga dituntut di bawah undang-undang ini. Soalannya, kita mesti mempunyai kemahiran dan kepakaran untuk memastikan yang orang itu betul-betul telah mendapat penyakit di bawah Schedule yang kita sebutkan itu.

Umpamanya, satu ketika dahulu di Amerika banyak tuduhan mengatakan orang sakit oleh kerana debu yang dikeluarkan daripada asbestos mendatangkan kanser. Tetapi apabila kes dibawa ke mahkamah, mahkamah telah mengambil masa berlarutan sampai 10 tahun. Dan perantaraan masa kes itu dibawa ke mahkamah, hingga kes itu selesai pada tahun 1980-an, baru dikenal pasti yang abu daripada asbestos itu boleh mendatangkan penyakit ataupun kanser.

Jadi, dalam konteks yang sama, saya juga ingin kalau belum lagi pihak kementerian mengatur langkah, kerana dalam Schedule yang kedua ini banyak menentukan penyakit-penyakit yang boleh berbangkit, oleh kerana industri perkilangan ataupun apa benda sahaja yang mana masyarakat Malaysia ataupun asing di negara kita ini terlibat dan mendatangkan satu penyakit ataupun gejala supaya kita mempunyai satu kepakaran untuk mengenal pasti yang orang membuat aduan ataupun kompelin tersebut benar-benar telah mendapat penyakit sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, tidaklah lagi orang yang membuat aduan tertunggu-tunggu keputusan daripada pihak kerajaan ataupun pihak insurans. Ini juga boleh menjadikan satu benda, satu fakta yang melambatkan tuntutan, walaupun tujuan kerajaan untuk meminda undang-undang ini untuk mempercepatkan mekanisme tuntutan daripada pihak yang menjadi mangsa.

Sebagaimana Timbalan Menteri telah sebutkan tadi dalam soalan luka,

kemalangan yang mana sebagai lazimnya luka potong kaki, potong jari, potong tangan dan potong kepala umpamanya, memang telah ditetapkan di bawah undang-undang ini ganti rugi dan peratusan yang patut diberi dan diterima. Sebagaimana yang saya tahu oleh kerana di kawasan sebagaimana yang pernah saya sebut di sini, Tuan Yang di-Pertua pun kenal juga kawasan orang yang banyak kemalangan, bukan di jalan raya. Kawasan saya tak ada jalan raya, jadi tak ada kemalangan jalan raya. Kemalangan yang berlaku ialah kemalangan balak. Kemalangan pembalakan, 'balak raya' kata Larut. Jadi, kemalangan di kilang-kilang kayu, kilang-kilang papan dan sebagainya. Dalam kemalangan ini kalau aduan dibuat oleh pihak yang telah tercedera kepada pihak kerajaan, mula-mula dilapor kepada polis, kedua dilapor kepada pihak Jabatan Buruh, dan pegawai Buruh akan memproseskan tuntutan.

Kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, orang-orang kampung yang tak celik daripada segi pendidikannya, tak tahulah mekanisme kerajaan ataupun cara kerajaan bertindak. Jadi, kalau sudah pada polis, kadang-kadang dia fikir sudah beres, tak payah buat laporan lain lagi. Kalau laporan polis itu sudah diberi kepada pihak Buruh, dianggap semuanya beres, Jabatan Buruh akan buat. Jadi, saya berharap pihak Jabatan Buruh mestilah beri ajaran dan seminar yang sepatutnya untuk mengajar mereka macam mana mengendali tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh pihak-pihak yang menjadi mangsa di bawah tuntutan undang-undang ini, iaitu pihak Buruh mestilah apabila menerima laporan yang sedemikian terus membawa victim ataupun mangsa kepada pihak doktor dan sebagainya supaya orang itu diperiksa seberapa cepat yang boleh. Janganlah tunggu orang itu balik kampung dahulu, lepas itu hendak panggil daripada kampung datang ke hospital. Hospital bukannya banyak sangat, Tuan Yang di-Pertua. Di kawasan saya tidak ada hospital. Klinik

pun tak ada. Jadi, dengan secara tak langsung saya beritahulah ini.

Kalau umpamanya seseorang buruh yang telah mendapat kemalangan di kawasan saya dalam kawasan Beting Maro, dahulu Beladin, kena naik bot. Ini pun kena tunggu air pasang, Tuan Yang di-Pertua. Kalau air surut dia tak boleh naik. Jadi, terpaksa tunggu air pasang, bila air pasang, naik pergi ke pengkalan yang berdekatan, selepas itu mungkin tunggu motor van, baru dapat pergi ke Sri Aman, jumpa doktor. Jadi, dengan sendirinya pemergian yang sedemikian pulang balik, lebih kurang dua hari baru sampai. Dalam keadaan sedemikian, kalau pihak yang menerima laporan yang asal, tidak tahu memberi arahan yang tertentu kepada orang yang telah menjadi mangsa. Dengan sendirinya selepas laporan, dia balik kampung, dengan harapan boleh jumpa dengan doktor tradisional di kampung mereka. Jadi, kalau doktor tradisional - Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut satu lagi cerita.

Doktor tradisional berlaku. Seorang hamba Allah terjatuh, jadi tangan dia terseliuh. Jadi, fracturelah sedikit, bukan patah betul. Selepas dia lapor kepada polis, dia balik ke kampung. Bila dia balik kampung, bapa dia kata awak pergilah kepada tok bomoh ini yang boleh ubat. Tak payah jumpa doktor, nanti tok bomoh boleh beri laporan kepada pegawai Buruh. Jadi, dia ikutlah kata bapa dia. Tok bomoh ini buat, dia ambil tukul lagi, dia simpan atas kayu, dia pukul, pukul, pukul, kata dia inilah cara yang baik mengubatkan patah macam ini. Terus dia balut.

Tetapi malangnya, Tuan Yang di-Pertua, tiga minggu lepas itu tangannya kembang dan menjadi hampir gangrene, baru dibawa ke doktor, dan sampai sekarang tangan itu hilang tenaga, jadi paralysed.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian sepatutnya perkara ini tidak berlaku kalau laporan kepada polis itu tadi, polis tahu yang dia kemalangan dalam satu perusahaan kayu balak, boleh polis beritahu: "Okay, you pergi report dengan pegawai buruh, sebelum balik ke kampung atau dari pegawai buruh jumpa doktor". Kalau perkara ini berlaku, kemalangan yang sedemikian, di 'exaggerated' pula oleh bomoh di kampung mungkin tidak berlaku.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, bila dia hendak membuat tuntutan kemudian itu, dia telah jadi serba salah. Masalah pegawai buruh itu oleh kerana benda itu sudah dipukul oleh bomoh di kampung. Jadi, macam mana hendak membuat tuntutan?

Tuan Yang di-Pertua, jadi, dengan sendirinya mekanisme daripada majikan yang terpaksa beli insurans kepada pegawai polis yang mana menerima laporan kepada pegawai buruh yang memproseskan tuntutan mestilah tahu role dan tanggungjawab mereka masing-masing. Kalau tidak, jadilah sebagai apa yang saya telah sebutkan tadi, si Mat yang saya sebutkan tadi, patah sedikit, sekarang sudah jadi lumpuh seluruh tangan. Tuntutan tak dapat oleh kerana tuntutan di 'dispute' kerana dibuat sendiri, yang sedikit jadi besar.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, saya berharap ini adalah satu insiden ataupun gambaran yang satu sahaja, banyak lagi yang berlaku di kawasan saya, walaupun sedikit sebanyak mendatangkan hasil politik kepada saya, oleh kerana bila saya berjumpa dengan perkara demikian, saya berjumpa dengan pegawai buruh dan pegawai buruh bercakap dengan saya, saya boleh buat. Jadi, orang kampung kata Ahli Yang Berhormat ini cukup baik, boleh tolong. Jadi, untuk politik saya ada, tetapi untuk yang telah menjadi mangsa, keuntungan ataupun pulangnya adalah kesedihan sahaja.

Tuan Jawah Anak Gerang: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Lubok Antu bangun ya.

Tuan Jawah Anak Gerang: Tuan Yang di-Pertua, saya mahu bertanya kepada kawan saya, jiran saya, apabila seseorang pekerja mengalami kemalangan, saya hendak bertanya, siapakah bertanggungjawab untuk melaporkan insiden tersebut kepada Socso? Saya rasa apabila sesuatu kemalangan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat,

Tuan Jawah Anak Gerang: Bukan! Sama ada benar atau tidak apabila kemalangan berlaku adakah benar atau tidak bertanggungjawab untuk melaporkan sesuatu kemalangan tersebut adalah di atas majikan tersebut kepada Socso? Sama ada perkara ini betul atau tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat bercakap berkenaan dengan Akta Pampasan Pekerja, bukan Socso.

Tuan Jawah Anak Gerang: Bukan ini hendakkan penjelasan dari kawan saya kerana perkara ini, siapakah yang bertanggungjawab untuk melaporkan perkara ini, majikan ataupun pekerja sendiri?

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memperkenalkan jawapan biar saya memperkenalkan kawan yang bertanya dahulu kerana kawan-kawan ini sebut, dia kata dia ini daripada Lubok Antu. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, memang betul, lubok itu banyak ikan aneh yang sedap di Lubok Antu itu. (*Ketawa*) Jadi, kalau Tuan Yang di-Pertua hendak lihat pun 'one of the best lubok' di Hulu Batang Lupar, kawan daripada kampung datang ke sini. Jadi, bila sudah keluar ke laut dia

jadi buaya. Itulah hantu yang di hulu turun ke laut jadi buaya. Jadi, buaya 'bujang senang' yang duduk di Batang Lupar.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan tadi, sebenarnya kawan saya bukan Socso sebenarnya, dia gagap sedikit. (*Ketawa*) Bukan Socso, soalan dia memang berbangkit daripada pampasan pekerja ini. Soalannya memang tepat dan memang relevan, soalnya kalau berlaku kemalangan.

Tuan Yang di-Pertua, umpamanya kemalangan berlaku di kem pambalakan. Kem pambalakan ini memang kalau majikan tidak mengambil berat ataupun tidak prihatin dengan kebajikan pekerja, memang dia boleh tangguhkan, boleh tunggukan kerana majikan itu sahaja yang ada mempunyai asas pengangkutan daripada kem pambalakan ke jabatan-jabatan ataupun pejabat-pejabat kerajaan yang terdekat sekali.

Jadi, memang saya juga bersetuju dengan rakan saya, sepatutnya ditetapkan di bawah undang-undang ini. Iaitu, apabila berlaku kemalangan, sama ada yang si mangsa ini boleh berjalan ataupun tidak boleh berjalan, adalah ditetapkan di bawah undang-undang yang si majikan mesti membuat laporan polis kerana dengan adanya majikan membuat laporan polis, dengan sendirinya masalah soalan satu, Tuan Yang di-Pertua, kalau orang di kawasan saya dia kata: "Saya ini bekerja dengan Ah Cheng", katanya. Kalau datang ke pejabat saya, saya selalu bertanya: "Siapa nama tauke itu?" Dia kata: "Nama tauke saya Ah Cheng". Siapa tahu Ah Cheng? Ah Cheng yang mana? "Inilah Ah Cheng tauke saya Yang Berhormat". Bila kita pergi ke tempat itu, barulah kita tahu nama dia 'Green Home Sendirian Berhad' tetapi yang jadi foreman-nya Ah Cheng.

Tetapi macam mana si Ah Cheng ini kalau sudah lepas kerja? Dia kata: "Ah

Cheng tak ada lagi, tetapi company itu masih ada”, katanya. Jadi, memang sepatutnya undang-undang menetapkan supaya majikan itu menjadi satu tanggungjawabnya daripada segi undang-undang membuat laporan apabila kemalangan berlaku ke atas pekerja-pekerja mereka agar semua soalan, siapa tauke, mana polisi insurans dan sebagainya, butiran-butiran yang diperlukan oleh pihak buruh boleh dibuat dengan serta merta dan boleh diberi selepas tuntutan dengan seberapa cepat yang boleh.

Tuan Billy Abit Joo: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Di belakang ada yang bangun.

Tuan Billy Abit Joo: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Sarawak semua! (*Ketawa*) Ya, apa dia?

Tuan Billy Abit Joo: Tuan Yang di-Pertua, saudara dari Batang Lupa ini arif sangat tentang undang-undang ini. Saya ingin bertanya soalan dan sedikit penerangan.

Tuan Yang di-Pertua: Untuk penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Billy Abit Joo: Penjelasan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, penjelasan, apa yang dia ucapkan tadi.

Tuan Billy Abit Joo: Yang kita tahu, di Sarawak masih ramai yang tak ada kad pengenalan. Jika seorang pekerja yang tidak ada kad pengenalan terkena kemalangan, adakah beliau ada hak dalam undang-undang ini?

Tuan Yang di-Pertua: Kena tanya menterilah untuk soalan itu! (*Ketawa*) Tanya dia? Sila jawab jika Yang Berhormat mengerti ya!

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya kata tadi pernah saya bercakap di luar, kalau menteri tak ada bolehlah deputize kepada saya. (*Ketawa*) Jadi, kalau saya kena deputize, saya kena tuntutan gaji menteri pada hari itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya!

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, biarlah saya jawab seberapa yang boleh, yang lebih saya tak betul jawab atau tidak tepat jawapan saya nanti, saya mintalah menteri yang jawab. Jadi, saya tolong sedikit sahajalah, jadi, tak payah tuntutan.

Jadi, daripada segi undang-undang bukan soalan ada apa yang dikatakan *de jure* dan *de factor* orang yang benar-benar adalah tercedera, kalau orang itu orang Sarawak ataupun orang Malaysia dan orang asing yang datang ke Malaysia ini dengan cara halal boleh menuntut? Jadi, kalau tak boleh menuntut daripada segi itu, Ahli Yang Berhormat boleh datang ke pejabat saya, kita boleh membuat tuntutan dari segi mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana, undang-undang sebenarnya dahulu saya kata, Undang-undang Pampasan Pekerja 1992 adalah alternatif kepada tuntutan sivil di mahkamah. Tetapi, sebenarnya kes baru ditimbulkan, ini bukan alternatif, boleh dibuat concurrent, sama-sama sekali serentak. Kalau tak puas hati dengan tindakan ini, kita ambillah tindakan sivil.

Jadi, Ahli Yang Berhormat, janganlah susah hati, datanglah ke pejabat saya, insya-Allah saya boleh tolong.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Ini iklan?

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ini bukan iklan, jawapan betul ini. (*Ketawa*) Jadi, saya kalau di Kuala Lumpur

bolehlah berjumpa dengan Ahli Yang Berhormat dari Larut. Ha, ini baru iklan! (Ketawa)

Tuan Yang di-Pertua, memang perkara yang dibangkitkan oleh rakan saya daripada Hulu Rajang, walaupun saya bunyi bersenda, ataupun bergurau tetapi sebenarnya ini perkara yang pernah berlaku, selalu berlaku, ada berlaku dan mungkin akan berterusan berlaku di Sarawak kerana masih banyak warganegara Malaysia di Sarawak yang belum dapat kad pengenalan yang sah daripada pihak kerajaan. Bukan sahaja kaum Penan, saya dengar, saya telah berbincang dengan Dato' Menteri kawasan industri Sarawak yang bertanggungjawab soalan Penan. Saya tanya dengan dia, macam mana progress untuk pendaftaran

orang Penan ini? Dia kata: "Progress is very good", katanya, sekarang ini telah hampir dapat 70% pendaftaran, tetapi orang yang bukan menjadi orang sasaran ini, kawasan Iban, kawasan Melayu dan sebagainya pendaftaran itu masih kurang baik. Jadi, ada

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat minta sambung besok.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang besok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.